

PENCETUS MINDA KOPERASI NEGARA

INFO

BIL. 2/2021 ISSN 0127-1023



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES



Sejarah
ETUA EKSEKUTIF
RU KOPERASI ERA ENDEMIK"
DAN
NCARAN AKRONIM BAHARU
T KOPERASI MALAYSIA

Dirasmikan Oleh
NOH BIN HA
an Usahawan dan Ko
MED
2021 | DEWAN TUN HUSSEIN

asi.malaysia | Inst_Koperasi | www | institut | IKKM



WORLD TRADE CENTER

PELANCARAN AKRONIM BAHARU INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) PERKUKUH MODAL INSAN KOPERASI

FOKUS

**Seminar Keselamatan Siber Era
Pasca Pandemik: Ancaman dalam
Entiti Koperasi**

PERSPEKTIF

**"Speedy Tani: Pertanian Alaf
Baru, Tuai Hasil 30 Hari"**



LINDUNG
DIRI,
LINDUNG
SEMUA.



Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19

DN
2030
Masa Encapaian Bangsa

Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum dan salam sejahtera



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana di atas izin-Nya, Majalah INFO bagi edisi kedua 2021 berjaya diterbitkan.

Sekalung tahniah diucapkan kepada barisan editorial Majalah INFO yang sentiasa bertungkus lumus dalam memastikan majalah ini dicetak mengikut tempoh yang ditetapkan walaupun negara berhadapan dengan pelbagai peralihan fasa.

Kadar penurunan trend jangkitan dibantu dengan vaksinasi yang sudah melindungi majoriti rakyat, membolehkan lebih banyak sektor dibuka setelah sekian lama tergendat. Hal ini secara tidak langsung memberi sinar baharu kepada rakyat Malaysia terutamanya golongan usahawan dan peniaga yang terjejas sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan.

Menelusuri liku-liku dan cabaran yang dihadapi oleh golongan koperasi, usahawan dan peniaga dalam melestarikan perniagaan tatkala COVID-19 ini, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) sebagai agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) giat menjalankan program-program secara

berfokus melalui pendekatan khidmat bimbingan dan nasihat serta kursus generik secara percuma khusus untuk gerakan koperasi dan usahawan dalam usaha menstabilkan serta meningkatkan pendapatan mereka melalui platform digitalisasi.

Justeru, melalui penerbitan Majalah INFO kali ini, beberapa rencana menarik dihidangkan bagi menyorot kembali program yang telah dijalankan oleh IKMa sepanjang Julai sehingga November 2021. Segmen Eksklusif kali ini pula berlatar belakangkan Majlis perasmian Seminar Bicara Ketua Eksekutif dan Pelancaran Akronim Baharu Institut Koperasi Malaysia yang disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada 23 November 2021 di Dewan Tun Hussein Onn Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL).

Seminar Bicara Ketua Eksekutif yang diadakan bertujuan untuk merangka strategi perniagaan berimpak tinggi di peringkat nasional dan antarabangsa. Seminar yang dilaksanakan menjadi terjemahan kepada aspirasi Dasar Keusahawanan Nasional 2030 yang menekankan peranan gerakan koperasi. Program tersebut mendapat penyertaan yang sangat menggalakkan daripada para koperator di seluruh Malaysia dan liputan yang meluas daripada media tempatan. Semoga penganjuran program seperti ini dapat memberi nilai tambah terutamanya dalam aspek kepimpinan dan tadbir urus kepada bakal pemimpin dan pemimpin yang menjadi aspirasi negara. Turut dilancarkan adalah akronim baharu Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Semoga dengan akronim baharu ini akan memperkukuhkan lagi peranan IKMa sebagai Pusat Latihan dan Pembangunan Modal Insan Koperasi di Malaysia.

Akhir kalam, semoga para pembaca mendapat percambahan ilmu menerusi pembacaan dalam Majalah INFO kali ini.

Sekian.

Hamidah Mohd Jos

Sidang Editor

Penasihat

YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor

Ketua Editor

Puan Hamidah Mohd Jos

Editor

Puan Nor Aslamiah Ali

Puan Nur Syazwani Zainul Abidin

Puan Wan Nur 'Ain Wan Abd Rahim

Encik Mohamad Suandi Mortadza

Encik Hafizal Abu Bakar

Puan Norawati Ngatmin

Puan Hj. Yusnita Othman

Encik Mohamad Haniff Mohamad Hashim

Puan Norul Hayatie Hashim

Puan Julizah Sabstu

Puan Nazirah Baharudin

Puan Maryam Hamidah Mohd Ghazi

Puan Nuur Fadzillah Zulkepli

Cik Zaharatul Laili Zakaria

Urus setia

Puan Sharepah Nur Azirah Shareh
Abd Rahman

Reka Bentuk dan Cetakan

Reka Cetak Sdn. Bhd.

www.rekacetak.com

Kandungan

Eksklusif

- 4 Majlis Pelancaran Akronim Baharu Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan Program Seminar Bicara Ketua Eksekutif



Fokus

- 6 Webinar Kesedaran Pemilikan Saham Khas Bumiputera
- 8 Kolokium 2021: Medan Perkongsian Ilmu Bermanfaat
- 10 Seminar Keselamatan Siber Era Pasca Pandemik: Ancaman dalam Entiti Koperasi
- 12 Seminar Inspirasi Pemimpin Pemangkin Legasi Koperasi
- 14 Seminar Pelancongan Maya: Peluang Tanpa Had

Perspektif

- 16 Taklimat Program MiRiCLE bersempena dengan Webinar anjuran ANGKASA
- 17 Taklimat Program MiRiCLE dalam Program Cooperative Advisory Desk (CAD) Bank Rakyat
- 18 Sokongan Psikososial di Kala Pandemik
- 20 Tanaman Terung Asam Mas Potensi Perniagaan Baharu Koperasi Kampung Serasot Bau Bhd.
- 22 Bicara Ilmu dalam Talian: Merdekakah Kita?
- 24 Telefon Karat: Cabaran Komunikasi Era IR 4.0
- 25 Strategi Pengurusan Kedai Runcit Era Pandemik COVID-19
- 26 Webinar Program Wanita dan Koperasi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Terengganu
- 27 "Speedy Tani: Pertanian Alaf Baru, Tuai Hasil 30 Hari"
- 29 Pra Persediaan Bengkel Pelan Strategik Koperasi 2022
- 30 Kursus Memperkasa Kesejahteraan Koperasi
- 31 Memperkasakan Program Pembangunan Modal Insan dan Pembangunan Perniagaan Melalui Program MiRiCLE
- 32 Program Daya Tahan Koperasi MiRiCLE
- 34 Program Forensik Aktiviti Runcit Koperasi di bawah MiRiCLE IKMa Zon Utara

- 36 Program Kesedaran Kewangan Siri 2: Konsep Patuh Syariah dalam Pembiayaan Islam Koperasi
- 37 "Bangkit Semangat Baharu Mendepani Impak COVID-19" & "Norma Baharu: Peluang dan Ruang bagi Perniagaan dalam Talian"
- 39 Bengkel MiRiCLE: Smartphone Photography - Menghasilkan Foto Menarik Menggunakan Smartphone
- 40 Liabiliti Korporat dalam Konteks Koperasi

Jaringan

- 41 Program Kerjasama Teknikal atau Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) Course for Certificate in Co-operative Community Development through Microfinance for Thailand Participants
- 43 Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) Course for Certificate in Co-operative Community Development through Microfinance and Certificate in Co-operative Management and Governance
- 45 Program Webinar Jati Diri Anggota Koperasi Orang Asli Kerjasama IKMa - JAKOA
- 47 Program Khidmat Sosial Korporat "Prihatin Koperasi Negeri Kedah 2021"



Berita Kakitangan

- 49 Kursus Menggunakan Mendeley dan Ms. Word dalam Penyelidikan
- 50 Pelancaran Buku Kisah Kejayaan Koperasi Dalam dan Luar Negara Jilid 10
- 51 Perkongsian Ilmu: Ceramah Kesihatan dan Kebiasaan Baharu
- 52 Perkongsian Ilmu Bersiri: Dunia VUCA, Implikasi dan Tindakan
- 53 Webinar "Speak Out!"

Galeri

Majlis Pelancaran Akronim Baharu Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan Program Seminar Bicara Ketua Eksekutif

Rohalinda Ahad
rohalinda@ikma.edu.my
Zon Tengah



Sesi fotografi YB Menteri MEDAC bersama tetamu majlis.



YB Tan Sri Noh bin Haji Omar melancarkan akronim baharu IKMa.

Institut Koperasi Malaysia yang menggunakan akronim IKM telah meminda akronim tersebut kepada **IKMa**. Tujuan utama pindaan tersebut adalah bagi meningkatkan imej dan visibilitinya di mata umum agar masyarakat lebih mengenali dan memahami peranan IKMa dalam melahirkan warga koperasi yang cemerlang dan berdaya saing.

Penjenamaan semula akronim ini dilihat sangat penting agar IKMa diperkukuhkan sebagai Pusat Latihan Modal Insan Koperasi dalam merealisasikan DKN 2030 dan TransKoM 2021 - 2025.

Penjenamaan ini juga sekali gus dapat menangani isu kekeliruan jenama yang terdahulu dengan organisasi



Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Tan Sri Noh bin Haji Omar menyampaikan ucapan perasmian seminar.



Encik Mohd Faris Kamarudin, Ketua Pegawai Komersial Co-opbank Pertama.



YBhg. Dato' Sri Dr. How Kok Choong, Pengerusi Bersama dari Vetttons.



Puan Siti Hawa Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif daripada Agro Surge Sdn Bhd.

kerajaan yang lain contohnya seperti Institut Kemahiran MARA yang turut menggunakan akronim IKM. Seajar dengan penukaran akronim ini diharapkan agar IKMa melalui transformasi ke arah memperkukuhkan lagi kedudukan IKMa sebagai satu-satunya peneraju Pusat Kecemerlangan Pembangunan Modal Insan Koperasi di Malaysia.

Majlis pelancaran meminda akronim IKM kepada IKMa telah diadakan di World Trade Centre (WTC), Kuala Lumpur pada 23 November 2021 dengan penganjuran serentak bersama program Seminar Bicara Ketua Eksekutif dengan tajuk "Nafas Baharu Koperasi Era Endemik". Seminar yang diadakan secara hybrid iaitu pertemuan gabungan secara maya dan fizikal disertai lebih 600 orang peserta terdiri

daripada para pemimpin, Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan juga para usahawan dari seluruh Malaysia. Para peserta berpeluang mendengar perkongsian idea bersama Ketua Eksekutif bertaraf global dan pakar industri berkenaan pengalaman mereka berhadapan dengan situasi pandemik dan bersiap sedia pula ke era endemik ini. Para pembentang termasuklah daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Coop Bank Pertama Malaysia Berhad, Vetttons Sdn Bhd, dan usahawan muda dari Agro Surge Sdn. Bhd.

Para peserta yang hadir di kedua-dua platform ini seterusnya menjadi saksi kepada acara kemuncak iaitu perasmian seminar dan Majlis Pelancaran Akronim Baharu Institut Koperasi Malaysia daripada IKM

kepada IKMa. Kemeriahan majlis ini telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Secara keseluruhannya seminar ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dan berjalan dengan sempurna. Diharapkan perkongsian para pembentang kertas seminar ini dapat memberi inspirasi dan membantu ALK bertindak secara proaktif dengan idea-idea baharu perniagaan untuk diadaptasi oleh koperasi serta dalam masa yang sama tidak mengabaikan pematuhan terhadap semua Prosedur Operasi Standard (SOP) yang masih perlu diberi perhatian serius oleh barisan pelaksana atau pengurusan koperasi dalam era endemik.

Webinar Kesedaran Pemilikan Saham Khas Bumiputera

Julizah Sabtu
julizah@ikma.edu.my
Pusat Kewangan dan Akaun



Program yang diadakan melalui bersemuka dan dalam talian.

Program Webinar Kesedaran Pemilikan Saham Khas Bumiputera dan Sesi Dialog bersama YB Menteri Tan Sri Noh bin Haji Omar telah diadakan di PWTC dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) pada

21 Oktober 2021 yang lalu. Objektif Webinar ini adalah untuk membuka peluang kepada koperasi memiliki saham dan meningkatkan kesedaran dan kefahaman kepada koperator dalam pemilikan saham khas bumiputera. Program ini diadakan secara bersemuka dan juga melalui talian Zoom. Dihadiri seramai 250 orang peserta daripada seluruh Malaysia termasuk wakil koperasi



Sesi dialog YB Menteri dan agensi.



YB Tan Sri Noh bin Haji Omar turut menyaksikan sesi pertukaran dokumen MoU kerjasama strategik di antara IKMa dan Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM).

dari Sabah dan Sarawak. Program yang berlangsung selama setengah hari ini turut dipenuhi dengan ceramah berkaitan saham daripada wakil seperti agensi dan koperasi seperti:

- i. Encik Azmir Musyabri Abdul Mutalib (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri MITI)
Tajuk: Prosedur dan Syarat Pendaftaran Pemilikan Saham Khas Bumiputera untuk Koperasi
- ii. Encik Mahzan Noordin (SKM)
Tajuk: Keperluan Perundangan Koperasi dalam Pelaburan Saham Siar Harga
- iii. Tuan Haji Zainal Ariffin bin Osman (Koperasi Remisier Bumiputra Malaysia Bhd)

Tajuk: Perkongsian Pengalaman Pemilikan IPO melalui Saham Khas Bumiputera di Koperasi

Program webinar ini juga mempunyai sesi dialog koperator bersama YB Menteri dibantu dengan agensi-agensi yang terlibat dan ia dapat dijalankan dengan baik. Melalui sesi ini, para koperator dapat bertanya soalan dan memberikan pendapat bagi terus meningkatkan dan memajukan gerakan koperasi setanding dengan sektor-sektor ekonomi yang lain. Program webinar ini juga mendapat maklum balas yang positif untuk diteruskan memandangkan keperluan koperasi dalam meningkatkan lagi modal semasa koperasi bagi membesarkan perniagaannya.

Objektif Webinar ini adalah untuk membuka peluang kepada koperasi memiliki saham dan meningkatkan kesedaran dan kefahaman kepada koperator dalam pemilikan saham khas bumiputera.

”

Kolokium 2021: Medan Perkongsian Ilmu Bermanfaat

Amalina Ibrahim
amalina@ikma.edu.my
Pusat Penyelidikan



Sebahagian peserta Program Kolokium 2021 yang diadakan secara dalam talian.

Program Kolokium merupakan satu platform perkongsian dan menyebarkan luas maklumat dan amalan terbaik koperasi oleh Pegawai Latihan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang membuat kajian kes. Pegawai Latihan yang terlibat berpeluang untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan yang diperoleh sepanjang penghasilan kajian kes tersebut. Kajian kes koperasi merupakan satu bentuk

penulisan ilmiah yang dihasilkan bagi mengkaji keadaan sebenar koperasi dengan mengambil manfaat daripada perkongsian maklumat dan pengetahuan yang diberikan oleh koperasi. Peluang tersebut dioptimumkan bagi mempelajari perkara-perkara berkaitan isu, cabaran dan amalan terbaik koperasi memandangkan ia merupakan topik yang sering dibincangkan oleh gerakan koperasi. Melalui

pengajuran kolokium ini maklumat koperasi yang berjaya dapat disebarluaskan kepada peserta.

Program Kolokium 2021 yang diadakan pada 30 September 2021 ini dijalankan secara dalam talian menggunakan platform Zoom Meeting. Seramai 103 peserta hadir secara maya yang melibatkan pegawai IKMa, wakil dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan wakil dari ANGKASA. Sebanyak lapan



Sesi pembentangan kajian kes dan perkongsian pengalaman dalam program ini.

pembentangan dibentangkan meliputi kajian kes kejayaan koperasi, kajian kes berbentuk penyelesaian masalah dan perkongsian pengalaman. Kolokium kali ini turut disertai oleh wakil dari *Case Writers' Association of Malaysia (CWAM)* sebagai pembentang. Penceramah telah berkongsi pengalaman dan ilmu pengetahuan beliau sepanjang sesi pembentangan berlangsung.

Penganjuran kolokium ini juga dilihat sebagai salah satu galakan dan motivasi kepada para pegawai IKMa untuk membuat kajian kes dan seterusnya dapat berkongsi kisah kejayaan koperasi di Malaysia. Di samping itu, program kolokium ini juga menjadi platform nilai tambah dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada gerakan koperasi melalui

perkongsian daripada sektor lain. Ilmu pengetahuan yang diperoleh dapat membantu memantapkan pembangunan dan kedudukan kompetitif sektor koperasi di negara ini dan seterusnya menjadikan Institut Koperasi Malaysia sebagai pusat rujukan dalam kalangan ilmuan, industri dan pihak berkepentingan yang lain.



Antara pembentang yang bersedia untuk membentangkan kajian kes kumpulan masing-masing.

Seminar Keselamatan Siber Era Pasca Pandemik: Ancaman dalam Entiti Koperasi

Ridzuan Saudi
ridzuan@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia zon Sabah



Perasmian oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan).



Pembentangan oleh YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin bin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, Cybersecurity Malaysia.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sabah telah menganjurkan satu seminar secara dalam talian bertajuk "Seminar Keselamatan Siber Era Pasca Pandemik: Ancaman dalam Entiti Koperasi" pada 26 Oktober 2021. Matlamat utama penganjuran ini adalah bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta mengenai ancaman dan jenayah dalam dunia siber yang pastinya memberi kesan kepada sosial dan perniagaan koperasi.

Seminar ini dirasmikan oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) IKMa mewakili YBhg.

Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa. Seramai 359 orang peserta terdiri daripada gerakan koperasi, agensi kerajaan dan swasta serta orang awam hadir secara dalam talian melalui platform aplikasi *zoom meeting*.

Seramai dua orang pembentang kertas kerja telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja masing-masing secara dalam talian berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam mendepani cabaran jenayah dunia siber. Pembentang pertama YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin bin Abdul Wahab, Ketua Pegawai

Eksekutif, Cybersecurity Malaysia membentangkan kertas kerja beliau bertajuk "Dunia Siber: Kesan kepada Masyarakat dan Perniagaan". Beliau menekankan aspek keselamatan siber yang amat diperlukan dalam sesebuah organisasi untuk beroperasi dengan lebih efisien dan kritikal dalam melindungi data mereka. Menurut beliau, bagi tahun 2021 sahaja (sehingga 30 September 2021), statistik dikeluarkan oleh MyCERT menunjukkan kes yang dilaporkan berkaitan serangan siber dalam Malaysia adalah sebanyak 8,226 kes yang meliputi penipuan, kod berbahaya, percubaan pencerobohan



Pembentangan oleh ASP Kahar bin Arifin, ASP Pegawai Penyiasat Jenayah Korporat Kewangan, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah.



berkaitan kandungan dan gangguan siber. Beliau menasihatkan para peserta untuk melaporkan sebarang insiden jenayah siber kepada CYBER999 untuk bantuan.

Pembentang kedua ASP Kahar bin Arifin, ASP Pegawai Penyiasat Jenayah Korporat Kewangan, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah membentangkan kertas kerja beliau bertajuk “Jenayah Siber? Dimanakah

Tanggungjawab Kita”. Beliau berkongsi pengalaman laporan orang awam kepada pihak polis berkaitan menjadi mangsa penipuan jenayah siber. Modus operandi jenayah siber dilakukan dengan pelbagai cara. Antaranya, melalui penipuan pembelian secara dalam talian, *Romance Love Scam, African Love Scam, I Love You 3000, Macau Scam, Scam Call, Online Scam* (Tawaran Pekerjaan), *Phishing*, Penipuan SMS, Penipuan Pinjaman Bank dan *Online Scam* (Keldai Akaun). Di peringkat Polis DiRaja Malaysia (PDRM), pelbagai usaha dan inisiatif dilaksanakan untuk mengekang jenayah siber meliputi kempen kesedaran kepada orang awam dan penguatkuasaan hukuman yang lebih berat kepada penjenayah siber. Malah PDRM juga telah bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Suruhanjaya Komunikasi

dan Multimedia Malaysia (SKMM), Cybersecurity Malaysia, Syarikat Penyedia Perkhidmatan dan institusi perbankan dalam memantau masalah jenayah siber. Beliau menasihatkan kepada para peserta untuk menggunakan aplikasi SEMAKMULE yang dibangunkan oleh PDRM untuk membuat semakan rekod aktiviti penipuan (SCAM) berdasarkan carian akaun bank dan nombor telefon sebelum membuat sebarang transaksi atau pembelian secara dalam talian.

IKMa Zon Sabah mengharapkan dengan adanya seminar ini dapat membantu para peserta terutamanya gerakan koperasi dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan kesedaran dalam mendepani cabaran jenayah siber yang semakin berleluasa. Secara keseluruhan, para peserta melahirkan rasa syukur dan berpuas hati dengan ilmu yang disampaikan oleh kedua-dua pembentang dan menghargai IKMa Zon Sabah dalam menganjurkan seminar ESC secara dalam talian ini.



Sesi bergambar beramai-ramai bersama para peserta secara dalam talian aplikasi Zoom Meeting.

Seminar Inspirasi Pemimpin Pemangkin Legasi Koperasi

Mohd Hamzah Kasim
hamzah@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Utara

Membina legasi koperasi yang cemerlang merupakan matlamat jangka panjang yang ingin dicapai oleh sesebuah koperasi. Ke arah itu, ketangkasan, kelestarian dan ketahanan koperasi mendepani cabaran ekonomi luar jangkaan dan ledakan arus perubahan teknologi Revolusi Industri 4.0 amat diperlukan demi kelangsungan koperasi. Muktahir ini, segenap sektor ekonomi berhadapan dengan persekitaran tidak menentu dan terdedah kepada pelbagai risiko yang menguji daya ketahanan koperasi sebagai sebuah organisasi.

Dalam hal ini, pemimpin koperasi menggalas tanggungjawab besar dalam memastikan matlamat dan agenda koperasi dapat dicapai. Bertindak secara profesional menangani isu dan cabaran semasa, menuntut pemimpin koperasi memiliki tahap kompetensi yang tinggi dan berintegriti dengan bertunjangkan prinsip dan nilai koperasi serta pada masa yang sama sistem tadbir urus koperasi hendaklah mantap dan efektif.

Menyedari kepentingan ini, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Utara telah mengambil inisiatif untuk mengadakan satu perkongsian yang merungkai topik kepimpinan koperasi pada era yang mencabar ini iaitu melalui penganjuran Seminar Inspirasi

Pemimpin Legasi Koperasi pada 15 September 2021 secara dalam talian. Penampilan khas seorang personaliti yang memiliki aura memukau dalam dunia keusahawanan telah berjaya menarik minat 274 orang peserta terdiri daripada pemimpin dan anggota koperasi serta usahawan dari segenap pelusuk negeri.

Memulakan bicara, Timbalan Ketua Pengarah (TKP) Pembangunan Modal Insan IKMa, Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus telah menyampaikan ucapan perasmian dan disusuli dengan sesi pembentangan yang dipengerusikan oleh Dr. Zurita binti Mohd Saleh, Pengarah IKMa Zon Utara. Sesi ini dimulakan dengan ucap tama oleh Tuan Haji Nasir Khan bin Yahya, Anggota Lembaga IKMa. Beliau telah mengupas tajuk seminar dengan memfokuskan kepada

elemen-elemen yang membina legasi koperasi dengan melihat kepada kekuatan koperasi dan kemandirian koperasi sebagai sebuah entiti perniagaan. Selain itu, beliau turut berkongsi kisah kejayaan koperasi luar negara yang boleh dijadikan sebagai sumber inspirasi kepada kecemerlangan gerakan koperasi di Malaysia.


Sesi seterusnya disusuli dengan penampilan personaliti yang diundang khas iaitu YBhg. Datuk Faridah Hanim binti Haron atau lebih dikenali sebagai Ibu Hanim dengan tajuk Pemimpin *Agile* dalam Era VUCA. Beliau telah memberi kefahaman berkaitan konsep dan kerangka kepimpinan berinspirasi dan *Agile* dalam konteks koperasi dan hubungkait dengan era VUCA (**V**olatility, **U**ncertainty,



Pertanyaan secara langsung oleh salah seorang peserta.



Ucaptama yang disampaikan oleh Tn. Hj. Nasir Khan bin Yahya.



Ibu Hanim bergambar kenangan bersama peserta.

Mendepani era baharu yang dibayangi persekitaran tidak menentu, tiada kepastian, kompleks dan kabur (VUCA) pastinya penuh dengan cabaran namun sarat dengan peluang yang memerlukan pemimpin sentiasa bersiap siaga

Complexity dan **Ambiguity**). Mendepani era baharu yang dibayangi persekitaran tidak menentu, tiada kepastian, kompleks dan kabur (VUCA) pastinya penuh dengan cabaran namun sarat dengan peluang yang memerlukan pemimpin sentiasa bersiap siaga, peka terhadap perubahan serta dinamik dalam pengurusan dan kepimpinan.

Tatkala persekitaran VUCA mentakrifkan norma baharu dalam koperasi, kemampuan pemimpin untuk mencipta semula, mempelajari kembali dan melakukan transformasi

amat penting bagi koperasi untuk bertindak balas terhadap risiko yang wujud dan kekal relevan pada masa depan. Menurut beliau, semasa berlakunya sesuatu yang di luar jangkaan, pemimpin perlu memiliki kekuatan minda dan cekap dalam mengadaptasi perubahan yang mendadak, membuat ramalan serta menambahbaik proses membuat keputusan melalui pendekatan yang lebih kolaboratif dan interaktif.

Kredibiliti Ibu Hanim dalam menghuraikan tajuk ini sangat dikagumi kerana beliau berjaya

mengolahnya dengan ringkas, mudah dan padat berpandukan ilmu serta pengalaman beliau sebagai seorang usahawan berjaya. Semoga dengan penganjuran seminar ini dapat memberi inspirasi kepada pemimpin koperasi dalam mengamalkan sebuah legasi koperasi yang cemerlang dan terus berusaha untuk mengimbangi antara keperluan memenuhi komitmen terhadap anggota dan merangsang usaha bagi mendorong koperasi mengorak langkah yang lebih berdaya saing dan berdaya tahan.



Hafizal Abu Bakar
hafizal@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan

Seminar Pelancongan Maya:

Peluang Tanpa Had

Pandemik COVID-19 mengakibatkan banyak sektor terjejas termasuk sektor pelancongan. Beberapa langkah diambil kerajaan untuk mencegah penularan pandemik ini termasuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Menerusi langkah ini, aktiviti rentas negeri hampir di seluruh negara terpaksa disekat untuk sementara waktu. Situasi yang tidak boleh dielakkan ini, secara tidak langsung memberi kesan kepada aktiviti pelancongan.

Malaysia sendiri turut merasai kesannya apabila industri pelancongan dan kebudayaan mengalami kerugian dianggarkan mencecah RM45 bilion dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini akibat pandemik COVID-19. Susulan itu, beberapa pihak mengambil inisiatif kreatif dengan menyediakan perkhidmatan pelancongan secara maya untuk memberi kemudahan sama ada secara percuma atau dikenakan sedikit bayaran. Menerusi kemudahan Internet, orang ramai boleh melawat beberapa lokasi menarik di negara ini dengan hanya

berada di rumah menggunakan peranti telefon pintar atau komputer.

Dalam situasi kebiasaan baharu ini, melancong secara maya bukan sahaja lebih selamat malah lebih menjimatkan wang. Oleh yang demikian, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Selatan mengambil langkah menganjurkan Seminar Pelancongan Maya; Peluang Tanpa Had pada 25 Oktober 2021 melalui aplikasi Google Meet. Mungkin selama


ini bila sebut melancong, kita akan membayangkan tepi pantai, gunung, pulau mahupun bandar-bandar besar, tetapi sebenarnya banyak lagi jenis pelancongan yang kita mungkin tidak terfikir dan terokai. Untuk itu dalam seminar pelancongan maya kali ini, penganjur memperkenalkan dua jenis pelancongan yang kita mungkin tidak pernah tahu iaitu *Wellness Tourism* dan juga *Educo Tourism*.



Perasmian Penutupan Seminar oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan.



Educo Tourism: Penerokaan Luar Bilik Darjah oleh Cikgu Hanis, Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad.



Wellness tourism: Pengorbanan Uri Teman Sejati oleh Master Liza.


Seminar dimulakan dengan sesi *Reset Tourism* oleh Encik Zamiel Zuki, *Tourism Game Changer*. Beliau memperkatakan tentang peluang dalam pelancongan ketika kekangan untuk merentas daerah mahupun negeri dan menunjukkan koperasi-koperasi bimbingan yang telah menceburi bidang pelancongan maya ini. Seterusnya sesi bersama Master Liza dari Pusat Rawatan Ar Rahman yang berkongsi tentang *Wellness Tourism* dengan tajuk Pengorbanan Uri Teman Sejati. Beliau memberikan kesedaran kepada peserta tentang kepentingan menguruskan uri terutama dalam kalangan umat Islam dan memberi peluang kepada orang ramai untuk menjadi ejen dan pembekal kepada set pengurusan uri yang diusahakan

oleh Pusat Rawatan Ar Rahman. Sesi ketiga pula bersama Cikgu Hanis dari Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad yang membuka mata peserta mengenai kesungguhan koperasi sekolah yang turut mengambil peluang dalam bidang pelancongan maya ini. Sebagai menghargai sokongan peserta seminar, Cikgu Hanis turut menawarkan tontonan secara percuma untuk sesi tayangan Educo Tourism; Your Gateway to Education Tourism yang akan dianjurkan pada 30 Oktober 2021. Sebagai penutup pembentangan, Puan Juliana binti Md Yusoff daripada CO-OP Tourism, Bahagian Keusahawan dan Perniagaan IKMa berkongsi mengenai peluang, latihan serta bimbingan yang ditawarkan kepada koperasi yang berminat.

Penganjuran seminar secara dalam talian ini rata-rata mendapat pujian dan maklum balas positif kerana membuka minda mengenali dan mengetahui cabang lain pelancongan yang selama ini tidak terjangkau fikiran mereka. Ada juga peserta secara berseloroh mengatakan mengapa tidak diperkenalkan dengan set pengurusan uri sejak dahulu dan kini terpaksa menunggu dapat cucu untuk menggunakannya. Tidak kurang juga yang tidak sabar untuk menunjukkan kepada anak-anak bagaimana kehidupan di asrama MRSM. Sebagai penutup, diharapkan melalui seminar ini para peserta mendapat idea untuk melibatkan diri dalam pelancongan maya kerana peluangnya adalah tanpa had.



Reset Tourism bersama Encik Zamiel Zuki.



Warga IKMa Zon Selatan merakamkan gambar kenangan setelah tamat seminar.

Taklimat Program MiRiCLe bersempena dengan Webinar anjuran ANGKASA

Mohamad Haniff Mohamad Hashim

haniff@ikma.edu.my

Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan



Taklimat Program Million Ringgit Cop League (MiRiCLe) telah diadakan secara dalam talian bersempena dengan program Webinar anjuran ANGKASA pada 27 Ogos 2021. Upacara perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. Kamarudin Ismail, Timbalan Presiden ANGKASA. Program ini merupakan jemputan yang diberikan oleh ANGKASA kepada Institut Koperasi Malaysia (IKMa) bagi mempromosikan program ini khususnya kepada koperasi sekolah. Ini bagi menggalakkan koperasi sekolah mengambil peluang untuk menyertai

dan menerima manfaat daripada penglibatan dalam program ini. Slot program ini terbahagi kepada dua iaitu taklimat MiRiCLe yang disampaikan oleh IKMa manakala slot kedua ialah perkongsian pengalaman oleh koperasi yang telah terlibat dalam program MiRiCLe.

Program yang telah berlangsung ini dijalankan secara dalam talian melibatkan seramai 160 orang peserta.

Peserta terdiri daripada koperasi yang kebanyakannya daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK) koperasi sekolah. Slot pertama iaitu taklimat berkaitan MiRiCLe disampaikan oleh Encik Mohamad Haniff bin Mohamad Hashim dari Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan (BKP) IKMa. Taklimat ini merangkumi maklumat berkaitan program perundingan yang ditawarkan oleh IKMa khususnya MiRiCLe. Perbezaan antara jenis dan bidang perundingan juga diperincikan dalam taklimat tersebut. Ini bagi memudahkan koperasi mengenali

pasti apakah jenis perundingan yang diperlukan untuk koperasi mereka. Beberapa koperasi yang telah berjaya mengikuti program MiRiCLe juga telah dibentangkan dalam program tersebut bertujuan menarik minat bakal koperasi menyertai program ini.

Taklimat kedua pula disampaikan oleh Encik Khairul Hazwan yang merupakan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad. Beliau telah berkongsi pengalaman koperasi semasa terlibat dalam program ini. Koperasi ini juga menerima banyak khidmat nasihat dan bimbingan berkaitan tadbir urus, perancangan strategik dan perniagaan daripada pegawai IKMa. Selain berkongsi pengalaman dalam program MiRiCLe, beliau turut berkongsi pengalaman dalam program Cooperative Digital Entrepreneur (C.O.D.E). Untuk program ini, pembangunan produk koperasi iaitu bahan kosmetik seperti sabun dan krim telah ditambah baik khususnya daripada segi pembungkusan. Sesi perkongsian yang telah dilakukan diharap akan dapat menarik lebih banyak koperasi sekolah untuk menyertai program yang dilaksanakan oleh IKMa.

Taklimat Program MiRiCLe dalam Program Cooperative Advisory Desk (CAD) Bank Rakyat

Mohamad Haniff Mohamad Hashim
haniff@ikma.edu.my
Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan

Beberapa taklimat berkaitan program Million Ringgit Cop League (MiRiCLe) telah diadakan secara dalam talian bersempena dengan penganjuran Program Cooperative Advisory Desk anjuran Bank Rakyat bermula bulan Jun sehingga bulan September 2021. Ia merupakan slot jemputan yang diberikan oleh Bank Rakyat kepada Institut Koperasi Malaysia (IKMa) bagi mempromosikan dan memberi kefahaman kepada peserta berkaitan program MiRiCLe. Umum mengetahui bahawa terdapat

Memorandum Persefahaman (MoU) antara IKM dan Bank Rakyat sebagai salah satu pemberi pinjaman untuk Koperasi MiRiCLe mengembangkan sayap perniagaannya.

Program yang telah berlangsung ini dijalankan secara dalam talian dan secara keseluruhan lima program tersebut melibatkan peserta melebihi 300 orang. Lima program tersebut meliputi koperasi yang terletak di bahagian Zon Utara, Selatan dan Sarawak. Perincian program adalah seperti berikut:

Jadual 1: Taklimat Berkaitan MiRiCLe dalam Program CAD anjuran Bank Rakyat

BIL.	TEMPAT	TARIKH
1.	Muar, Johor	25 Jun 2021
2.	Alor Setar, Kedah	29 Jun 2021
3.	Kota Samarahan, Sarawak	12 Ogos 2021
4.	Teluk Intan, Perak	26 Ogos 2021
5.	Seberang Jaya, Pulau Pinang	29 September 2021

Sebahagian besar peserta yang hadir merupakan Anggota Lembaga Koperasi (ALK). Taklimat disampaikan oleh Encik Mohamad Haniff bin Mohamad Hashim dari Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan (BKP) IKMa. Taklimat disampaikan merangkumi maklumat berkaitan program MiRiCLe meliputi objektif, proses, syarat dan sebagainya. Peserta tertarik dengan program pembangunan yang ditawarkan dalam program MiRiCLe iaitu Pembangunan Modal Insan (PMI) dan Pembangunan Perniagaan (PP). Bidang kursus yang ditawarkan dalam program

ini ialah Pentadbiran dan Pengurusan, Kewangan dan Perakaunan, Perancangan Strategik, Pengurusan Perniagaan dan Pembangunan Bidang Keberhasilan. Selain itu, peserta turut dimaklumkan bahawa sehingga Disember 2020, sebanyak RM2.95 juta telah diperuntukkan kepada koperasi yang menyertai MiRiCLe melibatkan 14 buah koperasi. Kerjasama yang baik antara IKMa dan Bank Rakyat seharusnya diperluaskan dan dijadikan contoh oleh agensi kerajaan yang lain dan koperasi agar kedudukan dan prestasi gerakan koperasi akan menjadi lebih cemerlang pada masa hadapan.



Sokongan Psikososial di Kala Pandemik

Nur Fatin Shazwani Ahmad
nurfatinshazwani@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak

Pada 28 September 2021 telah berlangsung program Bicara Ilmu (BI) anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak secara maya melalui platform Zoom dengan tajuk “Sokongan Psikososial di kala Pandemik”. Program ini mendapat sambutan menggalakkan dengan kehadiran seramai 268 orang peserta hadir terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), pengurusan koperasi dan usahawan seluruh Malaysia.

Program ini bertujuan untuk memberi pemahaman mengenai pentingnya sokongan psikososial dalam mendepani cabaran krisis pandemik COVID-19 dan penekanan mengenai impak apabila berlakunya pengabaian sokongan psikososial dalam perspektif perniagaan serta kehidupan seharian. Di samping itu, program ini juga menekankan mengenai pembentukan persekitaran

yang positif dalam mendepani cabaran krisis pandemik COVID-19 dalam memastikan kehidupan dan perniagaan kekal mapan dalam situasi pandemik COVID-19 dan pengadaptasian norma baharu.

Bicara ilmu pada kali ini dilaksanakan dalam dua sesi, iaitu sesi perkongsian ilmu yang pertama mengenai sokongan psikososial mendepani pandemik dalam pelbagai aspek dan sesi perkongsian ilmu yang terakhir mengenai pementapan diri mendepani pandemik dalam pelbagai aspek.

Penceramah jemputan terdiri daripada dua orang iaitu Dr. Rizal Abu Bakar, Pengarah Urusan Malaysia Brand Academy dan Tuan Syamsul Amri Ismail ataupun Syamsul Debat, penceramah bebas. Secara keseluruhannya, perkongsian ilmu yang disampaikan telah membuka minda para peserta khususnya

berkenaan tentang kepentingan sokongan psikososial dalam mendepani pandemik COVID-19 baik dari segi kehidupan mahupun perniagaan.

Isu sokongan psikososial mendepani pandemik dalam pelbagai aspek telah dikupas secara terperinci oleh Dr. Rizal Abu Bakar. Adalah penting untuk usahawan melihat cabaran sebagai satu peluang untuk terus maju meskipun halangan demi halangan terpaksa ditempuhi. Dr. Rizal Abu Bakar juga menekankan bahawa pentingnya untuk sentiasa kekal positif tatkala dunia dilanda pandemik agar aura positif itu mampu diadaptasikan dalam memastikan kelangsungan perniagaan. Keadaan pandemik ini seharusnya menjadi peluang buat usahawan untuk mempelajari benda baharu, mencuba cara baharu dan mengadaptasikan diri dalam apa-apa perubahan mekanisme baharu



Perasmian oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor.



Ucapterama oleh Puan Siti Maimunah binti Hj. Jerni.



Sebahagian peserta program Bicara Ilmu.

dalam memastikan kelangsungan perniagaan masing-masing.

Pendekatan Dr. Rizal Abu Bakar dalam menekankan kepentingan koperator ataupun usahawan untuk *reset* minda tatkala mendepani pandemik wajar diadaptasikan untuk memastikan koperator atau usahawan kekal tenang dalam memastikan kelangsungan perniagaan berjalan seperti yang diharapkan. Setiap daripada kita memang terkesan dengan situasi pandemik ini namun sejauh mana kita kekal positif dalam mendepani pandemik itulah yang paling utama. Sebagai koperator dan usahawan, kita harus tahu apa yang perlu dilakukan dan mesti dilakukan dalam memastikan perniagaan sedia ada kekal bertahan meskipun sedikit terumbang ambing.

Selain daripada perlu kekal positif, pemantapan diri tatkala mendepani pandemik juga harus diketengahkan. Dalam sesi ceramah bersama Tuan Syamsul Amri ataupun lebih dikenali sebagai Syamsul Debat, pandemik dilihat sebagai satu ujian yang Allah SWT berikan kepada kita untuk kita

lihat dengan mata hati apakah sisi positifnya dalam aspek kehidupan secara keseluruhan dan perniagaan. Setiap perkara yang berlaku pasti ada hikmah yang tersembunyi. Pandemik juga dilihat sebagai satu corak langkah yang positif perlu dilakukan oleh usahawan dan koperator untuk terus kekal mampan di mana koperator ataupun usahawan haruslah memperbaharui cara lama perniagaan kepada cara baru yang lebih interaktif dan inovatif sejajar dengan pengadaptasian kehidupan norma baharu. Dalam mendepani pandemik, usahawan haruslah memandang pandemik dengan mata hati agar ia tidak membawa kepada negativiti terhadap perniagaan. Pandemik juga mampu menjadi nafas baharu dalam bidang perniagaan sedia ada supaya terus kekal berdaya saing seiring dengan perubahan daripada cara lama kepada cara baharu.

Ketidastabilan corak perniagaan masa kini bukan sahaja dipengaruhi oleh situasi pandemik sahaja bahkan ia juga dipengaruhi oleh sokongan psikososial. Banyak faktor lain diambil

kira dalam isu sokongan psikososial contohnya seperti pengadaptasian kepada kehidupan norma baharu di mana ia merupakan cabaran terkini yang perlu dihadapi dalam memastikan perniagaan sedia ada mampu beroperasi mengikut kepada SOP yang perlu. Keterbatasan yang terpaksa dihadapi dek kerana norma baharu sedikit sebanyak mempengaruhi emosi koperator mahupun usahawan di mana ia akan pada akhirnya membawa kepada permasalahan psikososial jika tidak dibendung.

Secara keseluruhannya, program ini berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang menggalakkan melalui respons yang diberikan oleh para peserta.



Sesi ceramah oleh penceramah kedua iaitu Dr. Rizal Abu Bakar.



Sesi ceramah oleh Tuan Syamsul Amri @ Syamsul Debat.

Tanaman Terung Asam Mas Potensi Perniagaan Baharu Koperasi Kampung Serasot Bau Bhd.

Frank Me-ol
frank@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak



Lawatan Brunei.

Koperasi Kampung Serasot Bau Berhad (KKSBB) merupakan salah sebuah koperasi yang terlibat di bawah program MiRiCLE Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak. Sejak menyertai program MiRiCLE pada bulan April 2019, KKSBB telah terlibat dalam pelbagai program bersama pihak IKMa Zon Sarawak antaranya bengkel pelan strategik koperasi, pembangunan aturan pasar mini koperasi, program kesedaran anggota, promosi hari anggota, kursus pemasaran menggunakan Facebook, kursus perakaunan, kursus pengurusan pasar mini dan kursus inventori. Semua kursus dan program yang disertai secara tidak langsung

bertujuan untuk meningkatkan keupayaan modal insan koperasi selain membuka saluran pemasaran baru dan menambah baik tadbir urus koperasi.

Pada penghujung tahun 2020, KKSBB mengambil langkah ke hadapan untuk mempelbagaikan perniagaan koperasi selain kebergantungan pada perniagaan kedai runcit semata-mata dengan cadangan untuk terlibat di dalam bidang pertanian. Cadangan ini melihat secara inklusif dan komprehensif kaedah dan konsep penglibatan, tanaman yang berpotensi, kaedah pemasaran, kaedah penjagaan yang tidak memberi risiko kepada penanam

dan pada masa yang sama koperasi boleh memaksimumkan pendapatan daripada penglibatan tersebut. Anggota Lembaga Koperasi (ALK) KKSBB perlu memastikan penglibatan koperasi di dalam perniagaan tersebut kelak tidak akan memberi kesan negatif kepada pendapatan dan keuntungan koperasi.

Perbincangan mendalam di antara ALK telah menjurus kepada idea penanaman Terung Asam Mas melalui konsep kerjasama dengan anggota koperasi. Melalui konsep tersebut, anggota akan melakukan penanaman manakala koperasi bertindak sebagai ejen pemasaran. Terung Asam Mas mempunyai



Kesedaran Anggota.



Pelan Strategik Koperasi.

potensi yang sangat besar kerana permintaan yang tinggi. Harga pasaran di sekitar bandar Kuching boleh mencecah sekitar RM10 sehingga RM13 sekilo. Selain memfokuskan kepada tanaman, penglibatan dalam sektor tersebut diharap akan terus memacu pertumbuhan kedai runcit koperasi yang bertindak sebagai pembekal alat-alat serta input pertanian yang digunakan oleh para peserta nanti. Sebagai langkah permulaan, KKSBB telah bekerjasama dengan Jabatan Pertanian Sarawak untuk menganjurkan kursus kaedah penanaman Terung Asam Mas dalam kalangan anggota yang berpotensi pada 8 Disember 2020 di Balai Raya

Kampung Serasot. Lebih 70 orang anggota koperasi telah menyertai bengkel yang diadakan.

Pegawai Penyelidik dari Jabatan Pertanian Sarawak, Puan Patricia Rachel telah berkongsi secara teori berkenaan varieti Terung Asam, kaedah penjagaan, pembajaan dan penuaian. Selepas selesai perkongsian secara teori, pembelajaran secara praktikal dalam kalangan peserta telah dijalankan. Ia termasuklah kaedah penyediaan tapaksemaian, kaedah tanaman benih dan akhirnya kaedah pemindahan anak pokok ke dalam pot tanaman menggunakan kaedah penanaman hidroponik. Apa yang menarik, pihak Jabatan Pertanian Sarawak juga pada dasarnya bersetuju melantik KKSBB sebagai pembekal benih induk Terung Asam Mas kepada pihak Jabatan Pertanian Sarawak. Hal ini secara tidak langsung akan meningkatkan lagi ekonomi anggota. Untuk merancang lagi tanaman Terung Asam Mas, KKSBB juga telah memohon kepada pihak Jabatan Pertanian Sarawak untuk menunjukkan kaedah pembuatan produk hiliran seperti jem yang berasal daripada Terung Asam Mas. Melalui

tambah nilai, Terung Asam Mas yang dihasilkan oleh KKSBB mampu dijual pada harga lebih tinggi.

Selain bertindak sebagai ejen pengumpulan dan pemasaran Terung Asam Mas, anggota KKSBB yang terlibat dalam program juga disarankan untuk mendapatkan input pertanian seperti baja, racun dan peralatan dari kedai koperasi. Sebagai permulaan, peserta tanaman perlulah membeli semua input secara tunai namun untuk tempoh jangka panjang, ALK telah melihat kemungkinan koperasi untuk memberi kredit kepada para peserta dan ditolak daripada hasil jualan kelak. Segala perincian akan dimasukkan dalam aturan aktiviti.

Walaupun program ini baharu bermula dan terlalu awal untuk menilai tahap kejayaannya, KKSBB telah menyediakan satu tapak untuk terus mengorak langkah mempelbagaikan perniagaan dan menjadi pemain utama di dalam industri tanaman Terung Asam Mas di Kuching khasnya dan Sarawak amnya. Semoga KKSBB mampu menjadi contoh kepada koperasi lain di Sarawak dan Malaysia amnya.



Kursus Pemasaran FB.



Bicara Ilmu dalam Talian: Merdekakah kita?

Nur Yazira Hamsan

nuryazira@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Selatan telah melaksanakan Program Bicara Ilmu secara dalam talian yang bertajuk “Merdekakah Kita?” pada 8 Ogos 2021 yang lalu. Program ini berlangsung selama empat jam melalui aplikasi Zoom dan dihadiri seramai 240 orang peserta dari seluruh Malaysia. Objektif program adalah memberi pendedahan dan kesedaran kepada warga koperasi untuk menanamkan jiwa, semangat serta berfikir merdeka dalam menjalankan segala tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Selain itu, program ini juga dapat memperkenalkan IKMa kepada masyarakat dan menjalinkan hubungan jaringan perniagaan antara operator dan usahawan amnya.

Majlis perasmian penutupan program telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan Institut Koperasi Malaysia iaitu Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus. Pengisian program dimulakan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Puan Melor binti Mod Zin, Timbalan Pengarah

SKM Cawangan Negeri Johor bertajuk Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi (GP14). Antara pengisian sesi ini adalah peserta didedahkan dengan maklumat berkaitan Garis Panduan 14, fungsi dan peranan Mesyuarat Agung Tahunan, dan tatacara pelaksanaan Mesyuarat Agung



Peserta memegang bendera semasa program.



Sesi Taklimat Merdekakah Kita oleh Tuan Syamsul Debat.

Objektif program adalah memberi pendedahan dan kesedaran kepada warga koperasi untuk menanamkan jiwa, semangat serta berfikir merdeka dalam menjalankan segala tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan

Tahunan Koperasi semasa penularan pandemik COVID-19. Seterusnya program diteruskan dengan Sesi Taklimat Maxis: Geran Digitalisasi PKS melalui Maxis Business yang disampaikan oleh Pengurus Jualan SME Maxis Business Wilayah Selatan.

Sesi terakhir yang menjadi agenda utama program adalah sesi Bicara Ilmu dalam Talian yang disampaikan oleh Tuan Syamsul Debat bertajuk Merdekakah Kita?. Penceramah menekankan bahawa setiap daripada kita memainkan peranan dan tanggungjawab yang

penting dalam mempertahankan kemerdekaan di tanah air kita sendiri. Beliau juga berpendapat bahawa merdeka bukan sahaja dalam konsep jajahan negara, malah skop merdeka lebih luas termasuklah cara kita berfikir dan cara kita mendidik anak bangsa untuk terus kekal merdeka dalam era maklumat tanpa sempadan ini. Sikap integriti turut dikaitkan dengan semangat kemerdekaan dan kerjasama yang mana kekuatan sesebuah organisasi bergantung kepada nilai integriti yang ada pada setiap individu.

Secara keseluruhannya, penganjuran program ini telah berjalan dengan lancar dan telah mendapat maklum balas yang positif daripada para peserta serta berjaya mencapai objektifnya. Bagi pihak IKMa Zon Selatan, diharap ilmu dan maklumat yang diperoleh oleh para peserta sepanjang mengikuti program ini dapat memberi manfaat khususnya tentang berapa pentingnya merdeka pada negara, jiwa dan pemikiran untuk melahirkan koperator yang lebih berkualiti pada masa hadapan.



Antara peserta program yang hadir

Telefon Karat:




Cabaran Komunikasi Era IR 4.0

Norfaezah Mahmood
norfaezah@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Selatan telah melaksanakan program bicara ilmu secara dalam talian yang bertajuk "Telefon Karat: Cabaran Komunikasi Era IR 4.0" pada 28 Julai 2021. Program yang diadakan selama setengah hari ini menggunakan aplikasi *Google Meet* dan disertai seramai 220 orang peserta dari seluruh Malaysia. Objektif program untuk memberikan pendedahan kepada warga koperasi dan usahawan mengenai keberkesanan berkomunikasi secara maya. Selain itu, program ini untuk membantu warga koperasi dan usahawan berkomunikasi dengan jelas dan mencapai objektif serta meningkatkan kesedaran koperator mengenai kepentingan komunikasi secara maya yang baik.

Majlis bermula dengan ucapan aluan yang disampaikan oleh Puan Roziah binti Mohamed, Pengarah IKMa Zon Selatan. Majlis diteruskan dengan taklimat daripada wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) berhubung tatacara pengendalian mesyuarat agung secara dalam talian yang disampaikan oleh Puan Melor binti Mod Zin, Timbalan Pengarah SKM Cawangan

Negeri Johor. Antara pengisian sesi ini adalah pendedahan kepada kaedah menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan dalam talian secara berkesan dan betul. Sesi kemuncak bagi program ini ialah bicara ilmu *online* yang bertajuk Telefon Karat: Cabaran Komunikasi Era IR 4.0 yang disampaikan oleh Tuan Rizal bin Rashid iaitu jurulatih komunikasi berpengaruh Malaysia dan antarabangsa. Antara perkongsian dalam sesi ini ialah cara paling berkesan semasa berkomunikasi terutamanya dalam talian. Tuan Rizal juga berkongsi pelbagai tip menarik kepada peserta antaranya kata ganti nama bagi seseorang semasa kita bercakap supaya komunikasi tersebut dapat mencapai objektif dan lebih berkesan. Sesi terakhir merupakan taklimat daripada Maxis yang bertajuk Geran Digitalisasi PKS melalui Maxis



Peserta yang hadir.

Business yang disampaikan oleh Encik Hirman bin Mohamad Soh yang merupakan Pengurus Jualan SME Maxis Business Wilayah Selatan.

Secara keseluruhannya, penganjuran program ini telah berjalan dengan lancar dan telah mendapat maklum balas yang positif daripada para peserta serta berjaya mencapai objektifnya. Bagi pihak IKMa Zon Selatan, diharap program ini sebagai medium untuk menambahkan ilmu pengetahuan untuk melahirkan para koperator yang boleh berkomunikasi secara maya dengan lebih jelas dan berkesan pada masa akan datang.



Ucapan alu-aluan oleh Puan Roziah binti Mohamed.



Puan Melor binti Mod Zin memberi pendedahan tentang kaedah menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan dalam talian secara berkesan.



Jurulatih komunikasi berpengaruh di Malaysia dan antarabangsa, Tuan Rizal bin Rashid.

Strategi Pengurusan Kedai Runcit Era Pandemi COVID-19

Nazirah Baharudin
 nazirah@ikma.edu.my
 Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah

Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah telah melaksanakan satu program Sembang Santai di bawah Million Ringgit Coop League (MiRiCLe). Program Sembang Santai siri 1 ini merupakan satu program yang julung kalinya diadakan untuk memberi fokus kepada koperasi yang terlibat dengan aktiviti peruncitan. Bertemakan “Strategi Pengurusan Kedai Runcit Era Pandemi COVID-19” yang diadakan pada 20 Ogos 2021 secara dalam talian dan dibimbing oleh seorang pakar industri iaitu Puan Zaleha binti Ismail. Puan Zaleha dikenali sebagai Coach Zai merupakan seorang yang berpengalaman dan aktif dalam membimbing usahawan dan koperasi yang terlibat dalam peruncitan. Beliau juga pernah berkhidmat dalam beberapa buah syarikat besar seperti Jaya Jusco Retail Store, Guardian Pharmacy (cold Storage Retail) dan sebagainya.

Program ini melibatkan 9 koperasi dengan penyertaan 32 koperator yang terlibat dalam aktiviti peruncitan

antaranya koperasi Politeknik Sabak Bernam, Kariah Masjid Nurul Yakin, Perbadanan Putrajaya, Politeknik Salahuddin Abdul Aziz Shah dan sebagainya. Objektif utama penganjuran program ini untuk mencungkil isu dan permasalahan yang dihadapi oleh gerakan koperasi di bawah program MiRiCLe semasa menghadapi pandemik dan perkongsian pengalaman koperasi yang berjaya menghadapi pandemik COVID-19 ini. Secara tidak langsung melalui program ini dapat membantu para koperator dalam meneruskan perniagaan kedai runcit semasa pandemik ini melalui bimbingan Institut Koperasi Malaysia dan Coach Zai.

Secara keseluruhannya, program ini dapat membantu memberikan idea kepada pihak koperasi dalam menjayakan perniagaan kedai runcit melalui pelbagai strategi yang dikongsikan oleh koperator dan coach. Sekali gus menunjukkan impak yang positif melalui penyertaan koperator dalam program MiRiCLe.




Perkongsian daripada koperator Koperasi KOYAKIN.



Perkongsian daripada koperator Politeknik Sabak Bernam.



Perkongsian daripada koperator PUTRAKOP.



Sembang Santai MiRiCLe Siri 1 (Peruncitan) Zon Tengah.

Webinar Program Wanita dan Koperasi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Terengganu

Norhazilina Abdul Halim
 hazilina@ikma.edu.my
 Institut Koperasi Malaysia Zon Timur



Sesi Wanita dan Koperasi bersama Cik Norhazilina Abdul Halim, Timbalan Pengarah IKMa Zon Timur.

Perkongsian Pengalaman daripada Pengerusi Koperasi Ummu Wahidah Berhad & Bendahari Koperasi Beliawanis Bukit Mambai Segamat Johor Berhad.

Penganjuran program wanita dan koperasi pada 5 Julai 2021 oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Terengganu merupakan salah satu fokus untuk memperkasakan gerakan koperasi wanita khususnya di Negeri Terengganu. Penglibatan seramai 30 orang peserta wanita yang terdiri daripada anggota koperasi, individu dan usahawan dari Terengganu serta Johor Bharu. Program yang diadakan selama separuh hari ini melibatkan tiga panel pembentang iaitu Puan Wan Fazida binti Wan Awang, Penolong Pengarah Kanan SKM Wilayah Terengganu Selatan, Cik Norhazilina binti Abdul Halim, Timbalan Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur serta YM Engku Rafieah binti Engku Ismail, Timbalan Pengerusi Koperasi Ummu Wahidah Berhad dan Hajah Siti Normah binti Masdar, Bendahari Koperasi Rancangan Tanah Beliawanis

Bukit Mambai Segamat Johor Berhad. Aspek pembentangan memberi penekanan terhadap beberapa perkara seperti berikut:


- i) Perkembangan gerakan koperasi di Malaysia
- ii) Penglibatan wanita dalam koperasi
- iii) Perkongsian pengalaman koperasi wanita berjaya

Pengendalian sesi taklimat oleh Cik Norhazilina binti Abdul Halim khusus dalam aspek transformasi wanita melalui koperasi serta penerapan nilai dan budaya berkoperasi dalam kalangan wanita. Sekilas perkongsian semasa sesi iaitu membincangkan:

- i) Sinergi keusahawanan dalam kalangan wanita melalui koperasi
- ii) Koperasi wanita yang berdaya maju dan berdaya saing
- iii) Peningkatan taraf hidup wanita menerusi koperasi

- iv) Peluang pekerjaan kepada anggota khususnya dan wanita umumnya

Program ini telah dirasmikan oleh Encik Mohd Aznan bin Abdul Aziz, Pengarah SKM Negeri Terengganu yang baharu. Program ini boleh dikatakan sebagai serampang dua mata kerana pada masa yang sama dapat memperkenalkan Encik Mohd Aznan kepada para peserta sebagai pengarah baharu di SKM Terengganu.



Perasmian program oleh Encik Mohd Aznan bin Abdul Aziz, Pengarah SKM Negeri Terengganu.

“Speedy Tani: Pertanian Alaf Baru, Tuai Hasil 30 Hari”

Hamizah Mohd Nadzir
hamizah@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak



Datuk Rosyam Nor, menyampaikan perkongsian ilmu Pertanian Adalah Perniagaan.

Pertanian bukan lagi aktiviti sampingan untuk memenuhi masa lapang, namun bakal menjadi tumpuan utama untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi bagi pemain industri pertanian. Antara tumpuan penting adalah memperkukuh rantai bekalan makanan, meningkatkan sokongan dan perkhidmatan penyampaian, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknologi serta menggalakkan lagi pematuhan terhadap standard dan amalan pertanian yang baik.

Kaedah bercucuk tanam moden boleh meningkatkan pendapatan selain menjaga kualiti tanaman bagi pengamal pertanian. Malah, potensi kaedah agrikultur cara moden, menurut pakar, merupakan serampang dua mata. Selain membantu tingkatan pendapatan, ia juga boleh menyumbang kepada usaha mengurangkan impak negatif pertanian ke atas alam sekitar. Penggunaan kaedah pertanian baharu ini dapat dijalankan dalam ruang yang terhad dan amat sesuai dilaksanakan berdekatan dengan premis koperasi masing-masing.



Coach Syed Fauzi, Penceramah Sesi 1.



Puan Kartini Sahari, Penceramah Sesi 2.

Selain itu, program ini juga melihat kepentingan pematuhan myGAP (Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia) yang merupakan satu sistem pengurusan sumber dalam pengeluaran pertanian secara baik dan lestari. Sistem ini dapat meningkatkan produktiviti serta menghasilkan makanan yang selamat dan berkualiti dengan mengambil kira kebajikan, keselamatan dan kesihatan pekerja serta memelihara alam sekitar.

Sehubungan dengan itu, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak telah mengadakan program Bicara Ilmu secara dalam talian yang bertemakan “Speedy Tani: Pertanian Alaf Baru, Tuai Hasil 30 Hari” pada 21 Oktober 2021 melalui aplikasi Zoom.

Program ini berkongsi tiga pembentangan daripada pengamal industri pertanian moden dengan latar belakang dan kepakaran masing-masing antaranya ialah Coach Syed Fauzi, Certified MyGAP Consultant dan Co-Founder Organic Impression dan Puan Kartini bt Sahari, Pengerusi Koperasi Kariah Masjid Darul Hana Lambir Bhd. Tidak ketinggalan penampilan istimewa ikon usahawan tani YBhg. Datuk Rosyam Nor yang berkongsi pengalaman beliau untuk menjadikan pertanian sebagai suatu bentuk perniagaan.

Penyertaan ini melibatkan seramai 212 orang peserta dalam kalangan anggota koperasi dan usahawan yang berminat dalam bidang pertanian moden di seluruh negara. IKMa Zon Sarawak mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) IKMa yang sudi merasmikan program tersebut. Semoga usaha murni ini akan diteruskan lagi pada masa hadapan.



Peserta yang menghadiri program secara dalam talian.

Pra Persediaan Bengkel Pelan Strategik Koperasi 2022

Nazirah Baharudin
nazirah@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah



Pra persediaan bengkel pelan strategik koperasi 2022.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Tengah telah menganjurkan satu program di bawah Million Ringgit Coop League (MiRiCLe) pada 12 November 2021. Program ini merupakan persediaan awal kepada semua koperasi MiRiCLe yang berminat untuk membangunkan pelan strategik koperasi 2022.

Tujuan program ini diadakan bagi membantu peserta untuk mendapatkan maklumat berkaitan dokumen yang diperlukan dalam membangunkan pelan strategik koperasi. Program ini dilaksanakan secara dalam talian dan dibimbing oleh Puan Siti Zaleha binti Ismail

atau dikenali sebagai Coach Zai yang mempunyai pengalaman luas dalam membangunkan pelan strategik koperasi dengan penglibatan seramai 37 orang peserta yang terdiri daripada tujuh koperasi iaitu koperasi Politeknik Salahuddin Abdul Aziz Shah, Kariah Masjid Nurul Yakin, Homestay Lonek Jempol Bhd dan lain-lain.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai objektif yang diinginkan. Malah, pada akhir program ini, Coach Zai berkongsi dengan peserta satu senarai semak bagi menghasilkan pelan strategik yang baik.

Semoga program seperti ini dapat diteruskan dan dapat dilaksanakan secara bersemuka serta menjadi satu platform yang berkesan dalam membantu pihak koperasi membangunkan perancangan secara sistematik. Maklum balas positif yang diperoleh daripada peserta juga boleh diambil sebagai penanda aras bahawa program yang diadakan berjaya memberi manfaat kepada koperasi. Diharapkan segala ilmu yang diperoleh diguna pakai oleh koperasi dalam membangunkan pelan strategik yang baik Syabas IKMa Zon Tengah.

Kursus Memperkasa Kesejahteraan Koperasi

Nor Fadhilah Mohd
nor.fadhilah@ikma.edu.my
Pusat Pembangunan Koperasi



Pusat Pembangunan Koperasi (PPK) telah menganjurkan Kursus Memperkasa Kesejahteraan Koperasi pada 4-5 Ogos 2021 secara dalam talian. Program ini telah dihadiri seramai 115 orang yang terdiri daripada pemimpin koperasi, anggota dan pekerja koperasi. Objektif kursus ini untuk meningkatkan kefahaman mengenai kesejahteraan organisasi melalui pembentukan budaya koperasi yang berkesan. Selain itu, ia juga bagi memupuk nilai-nilai etika pengurusan dan tanggungjawab kemasyarakatan bagi mencapai visi dan misi koperasi khususnya.

Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk Seri Dr. Md Zabid bin Haji Abdul Rasyid yang merupakan Pengerusi Koperasi Profesional Wilayah Berhad telah diundang sebagai penceramah jemputan bagi kursus ini. Sepanjang pengendalian kursus selama dua hari ini, beliau banyak berkongsi pengalaman beliau sepanjang di lapangan sama ada di sektor korporat mahupun koperasi. Antara topik yang dikupas adalah motivasi diri, integriti, dan nilai-nilai etika yang perlu

dipraktikkan sebagai pemimpin koperasi. Kursus ini sangat menarik perhatian para peserta di mana mereka sentiasa memberi respons sepanjang sesi berlangsung.

Kesimpulannya, koperasi yang berjaya bermula daripada modal insan iaitu pemimpin, anggota dan pekerja koperasi yang mempunyai personaliti unggul. Sebelum kita memperkasa kesejahteraan koperasi, kita perlulah memperkasa nilai dan integriti peribadi terlebih dahulu agar koperasi dapat berdaya saing pada masa akan datang.



Antara peserta yang hadir.



Pegawai PPK Bukit Awang memberikan khidmat nasihat berkaitan tanaman cili kepada koperasi.



Taklimat dilaksanakan secara hybrid, dan secara dalam dan luar talian

Memperkasakan Program Pembangunan Modal Insan dan Pembangunan Perniagaan Melalui Program MiRiCLe

Mohamad Haniff Mohamad Hashim
haniff@ikma.edu.my
Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan



Majlis perasmian oleh Pengarah SKM Negeri Kelantan turut berlangsung pada hari tersebut.

Koperasi Harapan Perdana Kelantan Berhad merupakan salah satu daripada koperasi MiRiCLe. Beberapa program telah berlangsung antara Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan Koperasi Harapan Perdana Kelantan Berhad. Program pertama berlangsung pada 31.10.2021 iaitu sesi lawatan ke ladang koperasi melibatkan pegawai IKMa, ALK dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bukit Awang. Program melibatkan bimbingan dan khidmat nasihat berkaitan tanaman cili yang diusahakan oleh koperasi. Program juga melibatkan jenis program yang dirancang pada masa mendatang dengan pihak PPK.

Program kedua berlangsung pada 1.11.2021 melibatkan Kursus Jati Diri Anggota dan Mesyuarat Agung Koperasi pada sebelah pagi.

Pada sesi petang pula pihak koperasi menghadiri kursus Business Model Canvas (BMC). Mesyuarat Agung Koperasi ini turut dirasmikan oleh Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Kelantan iaitu Encik Zainudin Mohamed. Kursus BMC pula dihadiri oleh 23 anggota dan sebanyak tiga BMC dihasilkan pada hari tersebut iaitu BMC Tanaman Kontan, BMC Kedai Koperasi dan BMC Telur Masin. Melalui BMC tersebut, koperasi akan dapat merancang perniagaan baharu yang bakal dilaksanakan pada masa mendatang. Kerjasama yang erat antara Pihak IKMa, SKM dan koperasi diharap dapat membantu pengembangan koperasi terbabit. Kerjasama ini seharusnya diperluaskan dan dijadikan contoh agar kedudukan dan prestasi gerakan koperasi akan menjadi lebih cemerlang pada masa hadapan.

Program Daya Tahan Koperasi MiRiCLE

Hjh. Yusnita Othman
yusnita@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Utara

PROGRAM DAYA TAHAN KOPERASI MiRiCLE

23 OGOS 2021 (ISNIN)
8.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI

Bersama
TN. HJ. PAHROL MOHAMAD JUOI
Pegawai Modul Fitrah Perkasa Sun Bhd

TN. HJ. ZAINUDDIN ALI
Certified Professional Trainer

ANJURAN: INSTITUT KOPERASI MALAYSIA ZON UTARA

Mendepani cabaran semasa Meorakan penularan COVID-19 memberikan tekanan baharu kepada ekonomi Malaysia. Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan pelbagai variasi merencatkan ekonomi negara. Hakikatnya, apabila sektor ekonomi dan sosial ditutup sepenuhnya ataupun dihadkan, keadaan ekonomi serta perniagaan akan terjejas teruk. Dalam situasi sebegini sudah pasti ekonomi koperasi turut terkesan dan menghambat koperasi ke arah yang begitu sukar berikutan kesan berpanjangan daripada pandemik tersebut.

Menyedari hal ini, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Utara mengambil

pendekatan menyelami denyut nadi koperasi di bawah program MiRiCLE agar dapat menyuntik semangat pemimpin koperasi untuk bangkit membina semula daya ketahanan ekonomi koperasi dengan lebih perkasa. Justeru, pada 23 Ogos 2021 yang lalu telah berlangsung Program Daya Tahan Koperasi MiRiCLE secara dalam talian. Sebanyak 13 buah koperasi dengan penyertaan seramai 54 orang peserta yang terdiri daripada daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan pihak pengurusan kanan koperasi telah menyertai program ini.

Penampilan khas Tuan Haji Pahrol Mohamad Juoi bersama Tuan Haji Zainuddin Ali dalam program ini

telah memberikan dimensi baharu kepada kepimpinan koperasi untuk memangkin pembaharuan pasca pandemik bagi menjamin kelangsungan koperasi. Untuk itu, slot pertama bertajuk Profesionalisme ALK Pemangkin Kecemerlangan Koperasi telah dikupas secara mendalam oleh Tuan Haji Pahrol Mohamad Juoi. Beliau telah memfokuskan kepada faktor kecemerlangan '3P' (*People – Process – Purpose*) dalam konteks koperasi serta kepentingan dua elemen iaitu kompetensi dan integriti dalam kepimpinan yang profesional.

Dalam hal ini, beliau telah memperkenalkan empat kuadran pembahagian modal insan koperasi



Kupasan tajuk Profesionalisme ALK Pemangkin Kecemerlangan Koperasi oleh Tuan Haji Pahrol Mohamad Juoi.



Slot Strategi Mapan, Prestasi Mampan bersama oleh Tuan Haji Zainuddin Ali.

yang menunjukkan kepentingan dan kaitan kedua-dua elemen tersebut dengan budaya kerja cemerlang. Sesungguhnya, kupasan oleh beliau telah membuka mata hati bagi menyedari kekhilafan dalam pekerjaan dan sentiasa berusaha meningkatkan kualiti kerja. Peserta juga disajikan dengan konsep bekerja satu ibadah bagi memperoleh redha Allah dalam mencapai kecemerlangan diri dan koperasi.

Seterusnya, slot kedua bertajuk Strategi Mapan, Prestasi Mampan dikendalikan oleh Tuan Haji Zainuddin

Ali menjurus kepada usaha koperasi mengatur strategi mengharungi situasi ekonomi semasa. Beliau berkata, walaupun pandemik menjejaskan banyak perniagaan namun ia tidak harus dilihat negatif semata-mata, sebaliknya fokus harus diberikan untuk mencari jalan agar kemampanan perniagaan dapat diteruskan dalam apa jua keadaan. Menurut beliau lagi, realiti harus diakui dan koperasi perlu bersiap siaga merancang strategi yang bersifat lebih holistik dan realistik bagi meningkatkan prestasi perniagaan masing-masing berdasarkan keupayaan semasa koperasi.

Tambahan lagi, perkongsian isu dan cabaran oleh setiap koperasi yang mengikuti program ini serta pandangan dan cadangan oleh para panel terhadap isu dan cabaran yang diutarakan dapat dijadikan panduan kepada koperasi yang lain dalam merangka strategi daya tahan perniagaan era pandemik ini. Semoga dengan penganjuran program ini dapat memberi limpahan manfaat kepada para peserta dalam menerajui kepimpinan koperasi agar bergerak semula ke hadapan demi kemakmuran koperasi.



Sebahagian peserta yang mengikuti program ini.

Program Forensik Aktiviti Runcit Koperasi di bawah MiRiCLe IKMa Zon Utara

Nur Shuhada Mohd Ali
 nurshuhada@ikma.edu.my
 Institut Koperasi Malaysia Zon Utara



Khidmat kepada pelanggan menjadi keutamaan di operasi kaunter.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Utara telah menganjurkan *On-site Training* bagi enam buah koperasi di bawah program MiRiCLe yang menjalankan aktiviti runcit pada 04 hingga 09 Oktober 2021 yang lalu. Program ini merupakan salah satu pengisian di dalam Program Forensik Aktiviti Runcit di bawah kendalian Puan Rohana binti Mohd Khalid selaku pakar rujuk peruncitan bersama IKMa Zon Utara.

Jadual 1: Senarai enam buah koperasi yang terlibat dalam Program Forensik Operasi Runcit: *On-site Training*

Bil.	Tarikh	Koperasi
1.	04 Oktober 2021	Koperasi Kariah Masjid Ar-Rashdiah Selama Perak Berhad
2.	05 Oktober 2021	Koperasi MRSM Kepala Batas Berhad
3.	06 Oktober 2021	Koperasi IKBN Bukit Mertajam Berhad
4.	07 Oktober 2021	Koperasi Qaryah Masjid Taman Bertam Indah Kepala Batas Berhad
5.	08 Oktober 2021	Koperasi Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabudin Pulau Pinang Berhad
6.	09 Oktober 2021	Koperasi Pembangunan Insan Wilayah Utara Berhad



Saranan terhadap penambahbaikan susun atur barangan turut difokuskan dalam program ini.



Puan Rohana Mohd Khalid sedang meneliti sistem pengurusan data inventori.

Menyingkap pengisian sebelum ini, semua koperasi yang terlibat telah pun mengikuti Bengkel Analisis Data Inventori Runcit pada 26 hingga 27 September 2021 secara dalam talian bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran koperasi dalam membuat keputusan berasaskan data. Pada bulan April yang lalu juga satu program diagnostik aktiviti runcit telah diadakan di setiap koperasi bagi mengetahui tahap operasi aktiviti runcit dan mengenal pasti peluang untuk penambahbaikan ke atas aktiviti runcit.

Meninjau pula program *On-site Training* yang berlangsung ini telah memberi peluang kepada koperasi bersama pakar rujuk peruncitan dalam menilai operasi semasa aktiviti runcit koperasi. Antara aspek yang dinilai adalah penggunaan sistem *Point Of Sale (POS)*, operasi kaunter, pengurusan data inventori, susun atur dan *housekeeping*. Oleh

sebab setiap koperasi mempunyai isu operasi runcit yang berbeza, koperasi diberi kebebasan untuk mengemukakan objektif masing-masing untuk program ini agar lebih memfokuskan kepada isu yang dibangkitkan.

Menerusi penilaian yang dibuat, dapat dilihat kesediaan koperasi untuk membuat penambahbaikan berdasarkan kepada pelan saranan yang telah dibangunkan. Umumnya, setiap koperasi ini perlu mengemas kini:

- (i) jualan harian / bulanan mengikut SKU dan;
- (ii) *Item Master File*, menyediakan jadual dan senarai semak *housekeeping*, mencetak *shelf label* yang seragam, susun atur pelan lantai mengikut keutamaan kategori barangan jualan serta memastikan proses perolehan dan *stock-in inventory* mengikut kaedah bersistematik seperti mana yang disarankan.

Secara keseluruhannya, koperasi yang menyertai program ini memberi maklum balas positif terhadap manfaat yang diperoleh yang mana dapat membantu koperasi memantapkan aspek pengurusan data dan seterusnya meningkatkan kecekapan operasi runcit. Komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh koperasi yang terlibat amat dihargai dan semoga terus maju jaya dalam aktiviti perniagaan runcit yang dikendalikan.



Maklumat jualan dari sistem POS yang membantu koperasi dalam aspek perolehan.

Program Kesedaran Kewangan Siri 2: Konsep Patuh Syariah dalam Pembiayaan Islam Koperasi

Maryam Hamidah Mohd Ghazi
maryam.hamidah@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Timur



Dr. Shamsiah Binti Mohamad menyampaikan sesi pembentangan.



Sesi pembentangan mengupas berkaitan konsep patuh syariah dalam pembiayaan Islam koperasi.

Program Kesedaran Kewangan Siri 2: Konsep Patuh Syariah dalam Pembiayaan Islam Koperasi telah diadakan pada 15 Julai 2021 secara dalam talian menggunakan Aplikasi Google Meet. Program bermula pada jam 9.30 pagi dengan bacaan doa oleh Encik Muhamad bin Yusof, Pegawai Latihan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur. Program Bicara Ilmu anjuran IKMa Zon Timur dengan kerjasama Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) yang berlangsung selama separuh hari ini telah dihadiri oleh seramai 234 orang koperator yang terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga Koperasi, Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi, kakitangan pengurusan koperasi, pegawai agensi dan jabatan yang menyelia koperasi serta anggota koperasi dari seluruh Malaysia.

Objektif program ini diadakan untuk mendedahkan konsep

patuh syariah yang sebenar dalam pembiayaan Islam di koperasi. Selain itu, program ini juga adalah satu usaha untuk menyelesaikan salah faham yang berlaku dalam operasi pembiayaan kredit patuh syariah dan memastikan koperasi yang menjalankan aktiviti pembiayaan Islam melaksanakannya secara patuh syariah serta memberi pemahaman tentang keperluan melaksanakan transisi daripada aktiviti pembiayaan kewangan konvensional kepada kewangan Islam dari perspektif syariah di koperasi.

Program bermula dengan ucapan alu-aluan yang telah disampaikan oleh Puan Haslinda bt Sujak, Pengarah IKMa Zon Timur. Setelah itu, program diteruskan dengan sesi pembentangan oleh Perunding Syariah IBFIM iaitu Dr. Shamsiah binti Mohamad yang membincangkan serta

mengupas topik berkaitan konsep patuh syariah dalam pembiayaan Islam koperasi.

Secara keseluruhannya, program berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan peserta yang hadir walaupun ia dijalankan secara dalam talian. Semoga para peserta mendapat manfaat hasil daripada perkongsian para panel.




Bergambar kenangan secara maya bersama Puan Haslinda binti Sujak, Pengarah IKMa Zon Timur.

“Bangkit Semangat Baharu Mendepani Impak COVID-19” & “Norma Baharu: Peluang dan Ruang bagi Perniagaan dalam Talian”

Jaibit Jaudin

jaibit@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah



Sesi taklimat oleh Yang Mulia Dr. Hj. Tengku Asmadi bin Tengku Mohamad.

YBhg Datuk Hjh Noraini, Pengerusi ANGKASA Negeri Sabah sewaktu sesi taklimat.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sabah telah menganjurkan program bicara ilmu sempena Program Turun Padang Ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop) secara dalam talian (melalui aplikasi Google Meet) pada Julai 2021. Program MasKop dilaksanakan untuk menguar-uarkan kepada koperator dan usahawan tentang peluang pendidikan dan latihan, perniagaan serta maklumat mengenai bantuan dan sokongan yang disediakan oleh agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dalam menyokong dan menjayakan

Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 dan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021 - 2025 (TRANSKOM).

Program bicara ilmu yang dijalankan bersempena program MasKop IKMa Sabah ini dijalankan bagi dua siri iaitu siri pertama bertajuk **“Bangkit Semangat Baharu Mendepani Impak COVID-19”** pada 01 Julai 2021 dan siri kedua bertajuk **“Norma Baharu: Peluang dan Ruang Bagi Perniagaan dalam Talian”** pada 07 Julai 2021.

Program tersebut telah dirasmikan oleh Encik Mohd. Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Modal

Insan) IKMa. Program siri pertama telah dihadiri seramai 147 orang peserta dan siri kedua dihadiri seramai 151 orang peserta yang terdiri daripada pemimpin dan anggota koperasi serta usahawan dari seluruh negeri Sabah.

Dalam program tersebut, Puan Norbiha binti Kasmuri, Pengarah Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah telah menyampaikan taklimat bertajuk “Pencapaian Program 2020 dan Program Latihan 2021 Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah” sementara Puan Wan Nursafiah binti Wan Ibrahim, Pendaftar Kolej iCoop telah menyampaikan taklimat berkaitan program yang ditawarkan



Sesi taklimat oleh Puan Syuhani binti Zulkiflee, Ketua Penolong Pengarah Pembangunan SKM Negeri Sabah.



Ceramah dari Coach Dina.



Sesi taklimat oleh Puan Wan Nursafiah binti Wan Ibrahim, Pengurus Pendaftar Kolej iCoop.



Barisan peserta yang hadir.

oleh Kolej iCoop iaitu sebuah kolej swasta milik penuh IKMa. Puan Wan Nursafiah juga telah berkongsi maklumat berkenaan peluang pekerjaan bagi graduan Kolej iCoop.

Puan Syuhani bt Zulkiflee, Ketua Penolong Pengarah Pembangunan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Sabah diundang untuk mengupas tajuk “Peranan dan Inisiatif Menangani Impak COVID-19”. Antara inisiatif terkini pihak SKM adalah pewujudan kemudahan Pembiayaan Tabung Modal Pusingan (TMP) Tanpa Cagaran yang disasarkan kepada 90 buah koperasi bagi tempoh dari Januari hingga Disember 2021 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM9,039,000.00. Di bawah tajuk yang sama, YBhg. Datuk Hj. Noraini DSP Hj. Salleh, Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Negeri Sabah telah berkongsi maklumat tentang fungsi dan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh ANGKASA sebagai badan apeks koperasi Malaysia terutama sekali berkaitan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang dilancarkan semasa pandemik COVID-19.

Bicara ilmu siri Pertama **“Bangkit Semangat Baharu Mendepani Impak COVID-19”** telah disampaikan oleh pakar motivasi tersohor negara yang diundang khas iaitu Yang Mulia Dr. Hj. Tengku Asmadi bin Tengku Mohamad. Beliau mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang kejuruteraan, namun beliau mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam bidang motivasi dan sering dijemput untuk memberikan ceramah motivasi kepada para pelajar, usahawan, ibu bapa, guru-guru dan kakitangan organisasi.

Bicara ilmu siri kedua bertajuk **“Norma Baharu: Peluang dan Ruang Bagi Perniagaan dalam Talian”** telah disampaikan oleh Puan Dina Melisa bt Mohamad Maidin yang merupakan *Master Trainer* eUsahawan dan lebih dikenali sebagai Coach Dina. Dalam perkongsian beliau, Coach Dina telah menerangkan secara panjang lebar berkenaan pemasaran digital. Kebaikan perniagaan atas talian termasuklah menjimatkan masa, memudahkan perbandingan harga, menawarkan pelbagai jenis produk, mengurangkan risiko perniagaan dan membuka pasaran di peringkat global.

Sebagai rumusan, kedua-dua program bicara ilmu sempena MasKop yang dianjurkan telah membuka minda dan memberikan motivasi dan bekalan semangat kepada para peserta untuk terus bertahan dalam mendepani pandemik COVID-19 serta terus berusaha dan tidak berputus asa kerana terdapat hikmah di sebalik setiap kejadian.


Bengkel MiRiCLE: Smartphone Photography – Menghasilkan Foto Menarik Menggunakan Smartphone

Jaibit Jaudin
jaibit@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sabah telah menganjurkan Bengkel MiRiCLE secara dalam talian (melalui aplikasi Zoom Meeting) pada 11 dan 12 Ogos 2021. Objektif bengkel tersebut diadakan untuk mendedahkan dan memberikan peserta kemahiran fotografi menggunakan telefon pintar untuk diaplikasi dalam aktiviti pemasaran (secara dalam talian mahupun luar talian) dalam perniagaan yang diceburi. Peserta sasaran bagi bengkel tersebut ialah pemimpin dan anggota koperasi yang menyertai program MiRiCLE kelolaan IKMa Sabah. Seramai 30 orang peserta telah menyertai bengkel tersebut dengan jayanya.

Penceramah yang diundang khas untuk mengendalikan bengkel tersebut ialah Puan Dina Melisa binti Mohamad Maidin atau lebih dikenali sebagai Coach Dina yang bernaung di bawah syarikat Dina Consultant & Management yang berpangkalan di Keningau, Sabah. Coach Dina merupakan *Master Trainer* eUsahawan yang berpengalaman luas yang telah berjaya melatih lebih 5,000 individu dalam bidang pemasaran secara digital. Dalam bengkel tersebut, Coach Dina dibantu oleh Encik Azmi Ladis yang telah berkongsi ilmu tentang asas fotografi iaitu dari segi penjaanaan idea dan *content* yang kreatif. Pada akhir program tersebut, peserta berjaya menghasilkan foto menarik menggunakan teknik yang telah dipelajari dengan memberi sentuhan seni kepada foto yang dihasilkan dengan hanya menggunakan *Smartphone* yang mereka miliki.

Sebagai rumusan, program bengkel MiRiCLE yang dianjurkan ini telah berjaya memberikan ilmu asas dan kemahiran dalam menghasilkan gambar yang menarik dan berkualiti yang sesuai digunakan dalam iklan pemasaran produk dan perkhidmatan sama ada secara dalam talian mahupun luar talian.



Penceramah Bengkel, Coach Dina.

Liabiliti Korporat dalam Konteks Koperasi

Muhamad Yusof
muhamad@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Timur



Pelaksanaan peruntukan liabiliti korporat membabitkan organisasi komersial di bawah seksyen 17A Akta SPRM 2009 yang berkuat kuasa pada 01 Jun 2021, merupakan suatu usaha bagi menentukan perniagaan yang dijalankan secara berintegriti dan mempunyai tadbir urus yang baik.

Peruntukan di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 adalah suatu peruntukan yang menetapkan prinsip Liabiliti Korporat yang mana organisasi komersial dianggap telah melakukan suatu kesalahan jika mana-mana pekerja dan / atau pihak bersekutunya melakukan rasuah untuk faedah organisasi tersebut. Organisasi komersial tersebut boleh disifatkan bersalah dalam keadaan sama ada atau tidak, pihak pengurusan atasannya atau wakilnya tahu tentang kelakuan rasuah yang dilakukan oleh pekerja atau pihak bersekutunya. Pemahaman tentang prinsip liabiliti korporat merupakan kunci bagi memastikan organisasi atau entiti korporat dan koperasi mampu membina persekitaran bebas rasuah.

Sehubungan dengan itu, satu program bicara ilmu berkaitan dengan liabiliti korporat telah diadakan pada 23 Sep 2021 menerusi platform Google Meet bermula jam 8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari. Seramai 140 orang yang terdiri daripada barisan kepimpinan koperasi dan anggota koperasi telah menyertai program ini dengan penampilan dua ahli panel yang sangat berpengalaman iaitu PKPj Tuan Ramli bin Hassan, Ketua Cawangan Sosio Budaya dan Politik, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Tuan Haji Ibrahim bin Kasah, Pengarah Bahagian Penyeliaan dan

Tadbir Urus, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Tuan Ramli dalam pembentangannya telah memberi pemahaman asas kepada peserta tentang maksud suapan dan punca yang mendorong berlakunya suapan atau rasuah iaitu tamak dan peluang. Beliau seterusnya menjelaskan tentang takrifan koperasi sebagai badan awam menurut Seksyen 3 Akta SPRM. Seterusnya, beliau memaklumkan, Liabiliti Korporat (Seksyen 17A) merupakan prinsip yang perlu difahami secara mendalam demi mengelak berlakunya aktiviti rasuah di dalam organisasi.

“Sesebuah syarikat atau organisasi komersial boleh dikenakan hukuman kerana membenarkan pegawai dan kakitangan mereka melakukan rasuah untuk memperoleh sesuatu projek (atau mendapat sesuatu faedah). Jika sesebuah organisasi komersial disabit kesalahan di bawah Seksyen 17A, hukuman di bawah 17(2) adalah denda tidak kurang 10 kali ganda dari nilai suapan atau RM1 juta, mengikut mana-mana yang lebih tinggi atau penjara sehingga 20 tahun atau kedua-duanya sekali. Bagaimanapun organisasi korporat boleh ‘membela diri’ jika dapat menunjukkan bahawa mereka mempunyai ‘tatacara mencukupi’ dalam operasinya,” tegas beliau.

“Bagi mengelak Liabiliti Korporat, organisasi komersial yang dituduh di mahkamah mesti membuktikan tatacara (usaha) yang mencukupi untuk mencegah jenayah rasuah telah dilaksanakan dalam organisasi terbabit. Satu **Garis Panduan Tatacara Mencukupi** yang berteraskan **Prinsip T.R.U.S.T** telah dikeluarkan oleh

menteri untuk menghalang pegawai atau kakitangan terlibat rasuah. Garis panduan ini telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 10 Disember 2018,” tambah beliau.

Sementara itu, Tuan Haji Ibrahim berpeluang berkongsi maklumat mengenai Pertikaian dan Kesalahan Perlanggaran Akta Koperasi 1993. Menurutnya, pertikaian melibatkan perkara-perkara penubuhan, undang-undang kecil, pemilihan pegawai, perjalanan mesyuarat agung, pengurusan atau perniagaan dan tuntutan apa-apa hutang atau tuntutan yang perlu bayar.

“Koperasi menerusi Anggota Lembaga Koperasi memainkan peranan penting dalam mematuhi tugas statutori sebagai lembaga dalam memastikan perjalanan koperasi tidak bertentangan dengan Akta Koperasi 1993. ALK perlu menunaikan tanggungjawab bagi memenuhi objektif aktiviti perniagaan koperasi agar mencapai matlamat penubuhan koperasi dalam memenuhi aspirasi dan kepentingan bersama,” ujar beliau.

Program bicara ilmu membuka tirainya dengan kata alu-aluan oleh Pengarah IKMa Zon Timur iaitu Puan Haslinda bt Sujak. Manakala bagi ucapan penutup, telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (PMI), Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus. Dalam ucapannya, beliau mengalu-alukan inisiatif yang diambil oleh IKMa Zon Timur menerusi kerjasama dengan pihak SPRM dan SKM dalam memberi kesedaran kepada gerakan koperasi untuk mencipta persekitaran bebas rasuah dengan mengamalkan prinsip integriti dan tadbir urus yang baik.

Program Kerjasama Teknikal atau *Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) Course for Certificate in Co-operative Community Development through Microfinance for Thailand Participants*


R.Zarinatun Mohd Abdul Kader
zarinatun@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi



YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia memberi ucapan pembukaan program MTCP ***“Certificate In Co-operative Community Development Through Microfinance For Thailand Participants”***.

Program Kerjasama Teknikal Malaysia atau *Malaysian Technical Cooperation Program* yang lebih dikenali dengan nama MTCP. Pada tahun ini Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah diberi peluang untuk menyelaras program di bawah Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi (CIC) di peringkat antarabangsa. Tajuk program ialah ***“Certificate In Co-operative Community Development Through Microfinance For Thailand Participants”***.

IKMa telah dilantik oleh Kementerian Luar Negeri setelah menandatangani perjanjian persefahaman dengan kerajaan Thailand bagi membangunkan program latihan khusus kepada peserta dari negara Thailand. Seramai 15 orang peserta dari Thailand telah mengikuti program ini. Antara lain program ini bertujuan untuk mempromosikan kerjasama teknikal dan memupuk semangat kolektif dalam pembangunan sumber manusia negara-negara sedang membangun dengan memberi tumpuan khusus kepada bidang mikro kredit koperasi. Pada



Sesi bergambar peserta dari Thailand selepas mengikuti *Opening Ceremony* Program MTCP yang berlangsung pada 23 Ogos 2021.



Mr. Suphakorn Sukchan merupakan peserta terbaik lelaki di dalam Program MTCP.



Mrs. Jaruwan Jan-in merupakan peserta terbaik perempuan dalam program MTCP.

tahun ini, terdapat sedikit perubahan terhadap program yang dijalankan di mana buat pertama kalinya program ini telah diadakan secara dalam talian berikutan penyebaran wabak COVID-19. Program ini telah berlangsung selama lima hari bermula pada 23-27 Ogos 2021.

Seramai 12 orang penceramah jemputan dari dalam dan luar IKMa menjayakan program ini. Setiap sesi pembelajaran program dimanfaatkan oleh peserta. Taklimat dan perbincangan yang aktif di antara penceramah dan peserta menampakkan kesungguhan peserta meskipun secara maya. Taklimat daripada wakil Bank Rakyat yang menjadi asas dalam mewujudkan sinergi idea kalangan peserta. Pengalaman menguruskan operasi di lapangan pula seperti di tapak pasar malam yang diuruskan oleh Koperasi PERSALAM Manjung


Berhad (PERSALAM) dan penglibatan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dalam melahirkan usahawan daripada kalangan miskin dan berpendapatan rendah juga dikongsikan dalam program ini. Para peserta dapat mendalami proses kutipan mikro kredit yang diuruskan oleh kedua-dua organisasi ini. Ini seterusnya memberikan mereka input untuk membangunkan polisi, amalan terbaik dan piawai yang dapat meningkatkan taraf gerakan koperasi sekembalinya di negara masing-masing. Selain itu, wakil daripada Koperasi Pembangunan Daerah Petaling Berhad (KPDPB), Ar Rahn X-Change dan Bank Simpanan Nasional (BSN) juga turut sama menjayakan program ini dalam memberi perkongsian tentang sistem perniagaan Pajakan Gadai Islam dan sistem mikro kredit berlandaskan syariah.

Program MTCP ini juga merupakan perintis untuk mengadakan jalinan kerjasama di antara Institut Koperasi Malaysia dengan institut latihan di luar negara atau kerajaan Malaysia dengan kerajaan di negara luar yang berminat untuk mengadakan kerjasama. Ia dapat dilihat dan merupakan permulaan bagi kerjasama yang bakal diadakan di antara IKMa dengan *Cooperative Promotion Department of Thailand* terutamanya di dalam bidang latihan dan pendidikan khususnya dalam gerakan koperasi di kedua-dua buah negara.

Program ini telah berjaya dilaksanakan di bawah Pusat CIC. Kejayaan program ini adalah usaha semua pihak dengan kerjasama padu dari pihak pengurusan tertinggi, pegawai dan kakitangan IKMa. Pusat CIC ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan program ini.

Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) Course for Certificate in Co-operative Community Development through Microfinance and Certificate in Co-operative Management and Governance

R.Zarinatun Mohd Abdul Kader
zarinatun@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi



Sesi bergambar selepas majlis pembukaan Program MTCP 2021 Certificate in Co-operative Community Development through Microfinance and Certificate in Co-operative Management and Governance.


Pada tahun ini Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah dilantik oleh Kementerian Luar Negeri untuk menyelaras sebanyak tiga Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP). MTCP di bawah Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi (CIC) di peringkat antarabangsa. Pertama program yang berjaya dilaksanakan pada **23-27 Ogos 2021** iaitu bertajuk **“Certificate In Co-operative Community Development Through Microfinance For Thailand Participants”**. Seterusnya program MTCP yang diadakan pada **4 - 8 Oktober 2021** berjalan serentak yang bertajuk **Certificate In Co-operative Community Development Through**

Microfinance And Certificate In Co-operative Management And Governance. Selain Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi yang menyelaras program ini, Pusat Kewangan dan Akaun dan Pusat Pembangunan Koperasi juga turut membantu menyelaras program ini dan bertindak sebagai pakar rujuk (*subject matter expert*) dalam membangunkan jadual program, pemilihan penceramah jemputan dan memberi pandangan berdasarkan *subject matter* atas keperluan kursus tersebut.

Seramai 33 orang peserta mewakili sembilan negara iaitu Ghana, Kenya, Mauritius, Kiribati,

Namibia, Samoa, Costa Rica, Lao PDR dan Indonesia. Program MTCP ini merupakan sebahagian daripada komitmen kerajaan Malaysia ke arah mempromosikan kerjasama teknikal dalam kalangan negara-negara membangun, pengukuhan kerjasama serantau dan sub-serantau, memupuk semangat kolektif dan sifat berdikari dalam kalangan negara-negara sedang membangun. Pada tahun ini, tiga program yang dijalankan adalah secara dalam talian berikutan penyebaran wabak COVID-19 di seluruh dunia. Program yang berlangsung selama lima hari serentak pada kali ini memberi penekanan kepada isu-isu mengurus koperasi

Gambar 3 peserta yang cemerlang
Certificate in Co-operative Community Development Through Microfinance.



Ms. Rebecca Lewis Porras, Cost Rica.



Mrs. Elizabeth Sarfo
dari Ghana.



Mr. Ramraj Ramchurn dari
Mauritius.



Ms. Julie Lua Elisara dari Samoa.

secara efektif dan berkesan serta cabaran dalam pembiayaan mikro yang memberi kesan kepada gerakan koperasi. Peserta telah berpeluang mengikuti taklimat yang disampaikan oleh pakar-pakar yang terlibat secara langsung dalam gerakan koperasi di Malaysia. Permulaan taklimat bagi kedua-dua program ini ialah sesi perkongsian oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Institut Koperasi Malaysia dan ANGKASA menjadi asas utama dalam mewujudkan sinergi idea dalam kalangan peserta.


Peserta dalam program "Certificate in Co-operative Community Development Through Microfinance" telah mengikuti taklimat pengalaman menguruskan operasi di lapangan seperti di tapak pasar malam yang diuruskan oleh Koperasi PERSALAM Manjung Berhad (PERSALAM) dan penglibatan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dalam menguruskan mekanisme mikro kredit dalam kalangan anggota dan melahirkan usahawan daripada kalangan miskin dan berpendapatan rendah juga dikongsi dalam program ini. Peserta program ini juga dapat mendalami proses kutipan mikro kredit yang diuruskan oleh kedua-dua organisasi ini. Hal ini seterusnya memberikan input-input untuk membangunkan polisi, amalan terbaik dan piawaian yang dapat

meningkatkan taraf gerakan koperasi sekembalinya di negara masing-masing. Selain itu, wakil daripada Koperasi Pembangunan Daerah Petaling Berhad (KPDPB), Ar Rahn X-Change, Bank Rakyat dan Bank Simpanan Nasional (BSN) juga turut sama menjayakan program ini dalam memberi perkongsian tentang sistem perniagaan Pajak Gadai Islam dan sistem mikro kredit berlandaskan syariah.

Manakala bagi peserta program "Co-operative in Management And Governance" telah diketengahkan pakar-pakar daripada Koperasi Pembangunan Daerah Petaling Jaya Berhad (KPDPB), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Koperasi Alam Hijau Berhad (KOHIAJU), Koperasi Pembangunan Mukim Batu Puteh Kinabatangan Berhad (KOPEL) dan Koperasi Kakitangan PETRONAS Berhad (KOPETRO) telah diundang untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran mereka kepada para peserta yang terlibat.

Institut Koperasi Malaysia telah menjalankan kursus bagi peserta antarabangsa di bawah program MTCP sejak tahun 1984 dengan menawarkan beberapa program pilihan dalam pelbagai bidang koperasi seperti Certificate in Co-operative Management and

Governance, Certificate in Cooperative Auditing, Certificate in Co-operative Human Recourse Development, dan Certificate in Co-operative Poverty Reduction. Sehingga kini, Institut Koperasi Malaysia telah melatih lebih 1,067 orang peserta antarabangsa daripada 86 buah negara. Pada penganjuran program MTCP 2021 kali ini, perasmian dan ucapan aluan telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Mohammad Radhi bin Abdul Razak, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) merangkap Ahli Lembaga Pengarah, Institut Koperasi Malaysia dan Puan Farah Fazarina bt Mohamad selaku wakil daripada Kementerian Luar Negeri (KLN) pada hari pertama program ini diadakan.



Active participant Mrs. Anju Auckaloo
dari Mauritius.

Program Webinar Jati Diri Anggota Koperasi Orang Asli Kerjasama IKMa - JAKOA

Nur Syazwani Zainul Abidin
nursyazwani@ikma.edu.my
Pusat Pembangunan Koperasi



Perasmian oleh Encik Mohd Zamri bin Mustajap, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAKOA.




Slot Pentingnya Berkoperasi oleh Encik Christopher John Baptist, Pengarah IKMa Zon Tengah.




Kupasan tajuk Hak dan Tanggungjawab anggota oleh Puan Noor Zeeta binti Mohd Ramli, Pengarah Pusat Pembangunan Koperasi, IKMa.

Pusat Pembangunan Koperasi dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menganjurkan program “Webinar Jati Diri Anggota Koperasi Orang Asli” pada 28 September 2021. Program ini telah berjaya menarik minat 75 peserta Orang Asli yang dianggotai oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK), anggota koperasi, orang perseorangan serta kakitangan pihak JAKOA dari lima buah negeri iaitu Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Johor dan Selangor. Program ini memberikan tumpuan khusus kepada pemerkasaan anggota koperasi Orang Asli yang merupakan alternatif program kerjasama dengan pihak JAKOA bagi musim pandemik ini.


Program yang berlangsung hampir empat jam bermula jam 9 pagi sehingga 1 petang ini membawa empat orang penceramah dari Institut




Encik Dino Faizal sedang memberi penerangan kepada peserta mengenai tajuk Mengenal Pasti Peluang Aktiviti Ekonomi dan Fungsi Koperasi Orang Asli.



Encik Amran bin Haji Abd Kadir berkongsi maklumat mengenai program Pemulih di bawah SKM.



Koperasi Malaysia (IKMa) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Program ini memberi penekanan kepada kepentingan dan manfaat koperasi, memberi pendedahan hak dan tanggungjawab anggota dalam koperasi serta memberi idea aktiviti-aktiviti ekonomi yang dapat dijalankan oleh koperasi Orang Asli dan memberi maklumat bantuan kewangan yang diberikan oleh pihak SKM kepada koperasi terutama kepada koperasi yang terjejas sepanjang musim COVID-19.



Peserta –peserta webinar.

Program ini dirasmikan oleh Encik Mohd Zamri bin Mustajap, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAKOA. Sesi pertama dimulakan oleh Encik Christopher John Baptist, Pengarah Zon Tengah IKMa dengan tajuk Pentingnya berkoperasi, kemudian disusuli dengan taklimat oleh Puan Noor Zeeta binti Mohd Ramli, Pengarah Pusat Pembangunan Koperasi IKMa dengan tajuk Hak & Tanggungjawab dalam Koperasi. Sesi ketiga diteruskan dengan taklimat daripada Encik Dino Faizal bin Abdullah, Pegawai Latihan IKMa dengan mengupas tajuk Fungsi & Aktiviti Ekonomi Koperasi. Program webinar ini diakhiri dengan taklimat Program Pembiayaan Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi oleh Encik Amran bin Haji Abd Kadir Pengarah Bahagian Pembangunan Koperasi SKM. Sepanjang sesi webinar ini berlangsung, penglibatan aktif peserta amat menggalakkan dengan sesi soal jawab serta memberi tindak balas sepanjang program ini.

Secara keseluruhan, program ini telah berjaya memberi manfaat kepada 75 peserta serta mencapai matlamat penganjurannya, bukan sahaja sekadar memberi pendedahan tetapi juga dapat meningkatkan pengetahuan para peserta mengenai pentingnya koperasi serta hak & tanggungjawab anggota dalam koperasi bagi memberi pengurusan koperasi yang lebih baik.

Program Khidmat Sosial Korporat “Prihatin Koperasi Negeri Kedah 2021”

Norafidah Ismail @ Yaacob
norafidah@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Utara



YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan,
Seni & Budaya, Belia & Sukan,
Pembangunan Usahawan & Koperasi



Sesi penyerahan sumbangan kepada penerima manfaat.



Kesan bencana memusnahkan kediaman dan merosakkan harta benda mangsa.

Tiada siapa menjangka, sekelip mata sebuah kawasan yang indah nan permai di negeri Kedah musnah dibadai air yang deras. Berita yang menggemparkan negara ini telah berlaku pada 18 Ogos 2021 akibat fenomena kepala air di puncak Gunung Jerai sehingga menyebabkan berlakunya banjir lumpur terburuk dalam sejarah di kawasan Kuala Muda dan Yan. Bagi penduduk yang terkesan, banjir ini telah merosakkan kediaman serta memusnahkan harta benda mereka dan lebih menyayat hati, seramai enam orang mangsa telah terkorban.

Ekoran kejadian ini, banyak pihak telah tampil menyertai misi bantuan

bencana dan memberi sumbangan bagi meringankan beban penduduk yang terlibat. Atas dasar keprihatinan agensi kerajaan dan gerakan koperasi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Utara dengan kerjasama Suruhanjaya Koperai Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Kedah dan ANGKASA Negeri Kedah telah mengambil inisiatif untuk mengadakan program khidmat sosial kepada mangsa dalam kalangan anggota koperasi. Adalah menjadi harapan agar program anjuran bersama ini dapat memberikan manfaat yang lebih besar dan menyeluruh kepada kesejahteraan anggota koperasi. Justeru, pada 18 Oktober 2021 bertempat di Kampung

Acheh Management Centre (KAMC), Kampung Setol, Yan, telah berlangsung program ini mengikut SOP yang ditetapkan bagi mengekang penularan COVID-19. Dengan tema Prihatin Koperasi Negeri Kedah 2021, program ini diadakan bagi menghulurkan bantuan dari segi keperluan utama mangsa demi kelangsungan hidup. YB Encik Mohd Firdaus bin Ahmad, Exco Kerajaan Negeri Kedah merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Seni & Budaya, Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah hadir merasmikan program ini dan menyampaikan sumbangan kepada penerima. Turut hadir YBhg. Datuk Ali bin Mansor, Ketua Pengarah



Penerima manfaat bergambar kenangan bersama tetamu kehormat Program Prihatin Koperasi Negeri Kedah 2021.



Cenderahati IKMa tanda kenangan disampaikan oleh YBhg. Datuk Ali bin Mansor kepada YB. Encik Mohd Firdaus bin Ahmad.

IKMa, Pn. Hj. Norzila binti Nayan, Pengarah SKM Cawangan Negeri Kedah, Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim, Timbalan Pengerusi Angkasa Negeri Kedah, Datin Seri Dato' Asmawati binti Ahmad, Pengarah Komunikasi Korporat IKMa, dan Dr. Zurita binti Mohd Saleh, Pengarah IKMa Zon Utara.

Seramai 214 orang anggota dari 13 buah koperasi di sekitar kawasan terjejas menerima manfaat melalui program ini. Menyantuni penerima manfaat, rata-rata meluahkan rasa kesyukuran dan terima kasih atas

bantuan yang diterima kerana dapat meringankan beban yang ditanggung bak kata pepatah melayu 'berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul' bagi menggambarkan kesukaran hidup yang dilalui oleh mereka selepas tragedi tersebut.

Peluang untuk menganjurkan program ini merupakan platform terbaik untuk mendekatkan IKMa dengan masyarakat dan seterusnya dapat memperkenalkan peranan dan fungsinya dalam gerakan koperasi. Tambahan lagi, jalinan kerjasama

antara IKMa, SKM dan ANGKASA menjayakan program turun padang ini merupakan salah satu langkah strategik memasyarakatkan koperasi agar kesedaran tentang manfaat berkoperasi dapat disebarluaskan dan masyarakat menerima budaya berkoperasi menjadi sebahagian amalan kehidupan mereka. Semoga penganjuran program ini memberi limpahan faedah kepada penerima untuk membantu mereka memulihkan keadaan seperti sedia kala dan menikmati hidup yang lebih sejahtera.

Jadual 1: Senarai Penerima Manfaat Program Prihatin Koperasi Negeri Kedah 2021

Bil.	Nama Koperasi	Jumlah Anggota Terkesan
1.	Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Yan Bhd	101
2.	Koperasi Usahawan Pelancongan Bujang Bhd	6
3.	Koperasi Keluarga Haji Darus Kuala Muda Bhd	1
4.	Koperasi Kolej Vokasional 2 Sungai Petani Bhd	5
5.	Koperasi Pasir Jernih Kedah Bhd	5
6.	Koperasi Keluarga Legasi Wandeen Kedah Bhd	2
7.	Koperasi Desa Lestari Kampung Bujang Kedah Bhd	16
8.	Koperasi Kebajikan Am Kampung Pengkalan Kakap Bhd	40
9.	Koperasi Pekebun Kecil Daerah Kuala Muda/Yan Kedah Bhd	10
10.	Koperasi Sepakat Tani Yan Bhd	4
11.	Koperasi Pasar Minggu Yan Kechil Bhd	3
12.	Koperasi Pembangunan Daerah Yan Bhd	3
13.	Koperasi Sabena Bhd	18

Kursus Menggunakan *Mendeley* dan *Ms. Word* dalam Penyelidikan

Nor Hayatie Hashim
hayatie@ikma.edu.my
Pusat Penyelidikan

Penyelidikan yang berkualiti memerlukan tempoh yang agak panjang untuk dihasilkan di samping proses suntingan yang perlu dilakukan dengan teliti. Namun proses suntingan penyelidikan dapat diminimumkan sekiranya penyelidik menguasai teknik yang bersesuaian. Masa yang diambil bagi proses suntingan yang dilakukan secara manual pada setiap perenggan dan petikan dapat diminimumkan menggunakan kaedah yang betul. Penulisan akan menjadi lebih mudah apabila pengurusan *citation* dan rujukan dapat dikendalikan dengan lebih baik dan sistematik tanpa perlu menyenaraikan semua rujukan secara manual kerana *Mendeley* boleh membantu penyelidik untuk menguruskan secara automatik. Justeru, kursus menggunakan *Mendeley* dan *Ms. Word* dalam penyelidikan menjadi platform untuk mendedahkan teknik penggunaan *Mendeley* kepada Pegawai Latihan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang akan atau sedang menjalankan penyelidikan serta membantu pegawai menghasilkan penerbitan yang lebih berkualiti.

Teknik *Mendeley* bertujuan untuk memudahkan dan meminimumkan


kesalahan penulisan semasa penyediaan laporan penyelidikan. Pengetahuan tentang *Mendeley* sahaja tidak cukup sekiranya penyelidik tidak mempunyai asas yang kuat dalam Microsoft Word (lebih dikenali sebagai MS Word atau Word). Objektif kursus ini adalah untuk mendedahkan penyelidik cara mudah menggunakan *Mendeley* langkah demi langkah dan memformatkan penulisan menggunakan *Ms Word* bagi memudahkan penyediaan penulisan penyelidikan. Oleh itu kursus menggunakan *Mendeley* dan *Ms Word* dalam penyelidikan telah diadakan bagi memudahkan penyelidik yang hanya tahu perkara asas dalam word untuk menghasilkan penulisan berilmiah.

Mendeley adalah satu perisian berasaskan web yang lebih dikenali sebagai pengurusan rujukan atau *Reference Manager* untuk menguruskan *Citation* dan rujukan dalam penulisan akademik. *Mendeley* turut memudahkan penulisan akademik di mana perisian ini membantu pengguna untuk membina perpustakaan rujukan sendiri dalam bentuk PDF seperti berkongsi kertas penyelidikan secara dalam talian. Justeru, kursus ini menjadi salah satu bentuk platform pendedahan

dan penambahan ilmu mengenai teknik penggunaan *Mendeley* kepada Pegawai Latihan IKMa yang akan atau sedang menjalankan penyelidikan. Selain itu, kursus ini secara tidak langsung dapat membantu Pegawai Latihan IKMa untuk meningkatkan ilmu dan seterusnya dapat meningkatkan hasil penerbitan yang lebih berkualiti.

Seramai 60 orang peserta telah hadir secara maya melibatkan Pegawai Latihan dan Pegawai Pengurusan IKMa. Kursus ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Dr. Siti Nor Amalina binti Tajuddin yang merupakan Ketua Jabatan Komunikasi dan Media di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, serta mempunyai kelayakan Profesional Atlas.ti Profesional Trainer, *Mendeley* Advisor. Sebanyak lima sesi secara teori dan *hands on* meliputi bagaimana memasang *Mendeley*, mengimport dokumen ke perpustakaan *Mendeley*, pencarian artikel melalui *Literature Search*, *Citation* dan rujukan dan keselamatan data dan *Mendeley* Crash.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah mendapat maklum balas yang positif daripada para peserta yang memerlukan kursus lanjutan berkaitan *Mendeley* sekali gus telah mencapai objektifnya.



Penceramah jemputan, Dr. Siti Nor Amalina sedang menunjukkan cara bagaimana untuk memasukkan *citation* menggunakan perisian *Mendeley*.



Peserta kursus bergambar kenangan bersama penceramah jemputan, Dr. Siti Nor Amalina setelah selesai kursus.

Pelancaran Buku Kisah Kejayaan Koperasi Dalam dan Luar Negara Jilid 10

Zaharatul Laili Zakaria
laili@ikma.edu.my
Unit Pembangunan Modal Insan



Sesi pelancaran buku Kisah Kejayaan Koperasi Jilid 10.



YB Tan Sri Noh bin Hj. Omar merakamkan gambar kenangan usai majlis pelancaran.

Sesuai dengan moto Institut Koperasi Malaysia (IKMa) iaitu Pencetus Minda Koperasi Negara, IKMa bukan sahaja berperanan dalam mendidik warga koperator melalui latihan dan bimbingan yang diberikan menerusi program-program yang dijalankan, bahkan IKMa giat menerbitkan bahan-bahan terbitan dan rujukan berkaitan dengan gerakan koperasi di dalam mahupun luar negara setiap tahun.

Justeru, bersempena dengan Sesi Taklimat Khas Institut Koperasi Malaysia (IKMa) kepada YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), dan YB Tuan Muslimin bin Yahya, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), satu pelancaran buku *Kisah Kejayaan Koperasi Dalam dan Luar Negara Jilid 10* telah pun diadakan di Perpustakaan IKMa pada 09 September 2021 yang lalu. Majlis pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar dan disaksikan oleh YB Tuan Muslimin bin Yahya dan YBhg. Datuk Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa.

Buku Kisah Kejayaan Koperasi Dalam & Luar Negara Jilid 10 merupakan hasil kompilasi penulisan pegawai IKMa yang menghadiri program latihan di Jepun dan program sangkutan di koperasi terpilih dalam negara. Semasa tempoh tersebut, pegawai memperoleh maklumat dan melihat sendiri kejayaan yang dicapai oleh koperasi dari pelbagai sudut dan digarap serta disusun dalam bentuk kajian kes kejayaan koperasi. Antara perkara menarik yang dihidangkan dalam buku ini ialah model yang ditunjukkan melalui Gabungan Koperasi Siswa Malaysia Berhad (KOSISMA) yang berjaya menyatukan 18 buah koperasi siswa dalam satu gabungan untuk terus maju bersama. KOSISMA berjaya menjadi peneraju dan penggerak kepada pembangunan keusahawanan dengan menyediakan lebih banyak peluang dan ruang perniagaan kepada pelajar melalui koperasi siswa di universiti. Koperasi Permodalan dan Perusahaan Melayu Negeri Sembilan Berhad (KOMBEK) pula turut menekankan tiga prinsip utama

iaitu perniagaan meningkat, tadbir urus meningkat dan keuntungan pun meningkat dalam perniagaan koperasi. Selain itu, perkongsian menarik bagi kajian kes koperasi di negara Jepun juga turut dihidangkan.

Kejayaan koperasi Jepun telah menjadi contoh kepada gerakan koperasi di seluruh dunia. Negara Jepun turut menyediakan pelbagai program yang boleh dihadiri peserta pelbagai negara ASEAN melalui agensi dan pusat latihan Jepun seperti JICA dan IDACA. Peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh Japanese Agricultural Cooperatives (JA) dalam pemasaran produk-produk pertanian di Jepun serta model pengurusan dan tadbir urus oleh koperasi pertanian turut dikongsi dalam buku ini yang wajar dicontohi atau dipraktikkan oleh gerakan koperasi di Malaysia.

Secara keseluruhannya, majlis telah diadakan secara sederhana dengan mengikut SOP dan norma baharu dengan bilangan tetamu yang tidak melebihi 50% daripada kapasiti ruang penganjuran majlis.

Sebarang maklumat berkaitan dengan bahan penerbitan IKMa boleh dirujuk melalui Facebook Penerbitan IKM dan melalui portal rasmi IKMa di www.ikma.edu.my. Bahan-bahan penerbitan tersebut juga boleh diperolehi melalui pembelian di Pasar Mini IKMa atau menghubungi terus Pegawai Penerbitan IKMa di talian 03-7964 9155.



Perkongsian Ilmu Ceramah Kesihatan dan Kebiasaan Baharu

Khairul Akmal bin Saim
akmal@ikkm.edu.my
Unit Perkhidmatan Perpustakaan



Sesi pembentangan Encik Fahmi bersama dengan moderator, Encik Khairul Akmal.



Barisan peserta yang hadir pada program ini.

Satu sesi perkongsian ilmu anjuran Unit Perkhidmatan Perpustakaan (UPP) telah diadakan pada 28 Jun 2021 secara dalam talian. Sesi yang bertajuk Kesihatan dan Kebiasaan Baharu itu telah disampaikan oleh Encik Fahmi bin Hassan, Pegawai Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia bersama moderator Encik Khairul Akmal bin Saim, dari Unit Perkhidmatan Perpustakaan. Objektif program perkongsian ini adalah untuk memberi pendedahan kepada semua tentang pengambilan vaksin yang sering diperkatakan dan dibahasakan oleh masyarakat Malaysia. Selain itu, perkongsian ilmu ini bertujuan bagi memberikan pengetahuan khusus secara santai tetapi berilmiah agar kakitangan IKMa dapat berfikir lebih luas dan berilmu pengetahuan.

Ceramah yang dianjurkan secara dalam talian itu mengupas isu keadaan semasa mengenai COVID-19. Encik Fahmi telah menyampaikan maklumat mengenai COVID-19 secara terperinci iaitu meliputi sejarah penularan pandemik yang pernah berlaku di Malaysia, bagaimana penyebaran virus berlaku, langkah-langkah pengawalan virus serta kaedah pencegahan yang perlu diamalkan.

Selain itu, beliau turut menerangkan fungsi, jenis dan kepentingan vaksin sebagai salah satu alternatif pencegahan penyakit yang berfungsi untuk merangsang sistem imuniti badan. Malah, proses penciptaan vaksin turut dijelaskan beliau di mana virus yang terhasil merupakan virus yang dilemahkan

atau dimatikan dan komponen virus akan diproses serta disuntik ke dalam badan. Bahan inilah yang akan merangsang badan untuk menghasilkan antibodi. Apabila jangkitan sebenar berlaku, badan akan bersedia untuk melawan jangkitan

Secara keseluruhannya, program yang berlangsung selama satu jam ini berjalan dengan lancar dengan penyertaan aktif kakitangan IKMa yang dihadiri seramai 136 orang. Maklum balas yang diterima daripada kalangan peserta yang hadir sangat positif kerana Encik Fahmi berjaya mengulas isu virus ini dengan sangat baik. Bahkan, beliau yang pengalaman luas dalam bidang perubatan terutamanya farmasi banyak membantu dalam merungkakan tentang virus COVID-19 dan keperluan vaksin kepada manusia.

Perkongsian Ilmu Bersiri :

Norsyeirawani Shari
norsyeirawani@ikma.edu.my
Bahagian Perancangan Korporat dan Transformasi

Dunia VUCA, Implikasi dan Tindakan

Bermula pada tahun 2020, dunia telah mengalami suatu keadaan yang tidak dijangka apabila berlaku penularan wabak COVID-19. Pandemik ini menyebabkan dunia mengalami perubahan yang drastik dan memberi impak yang besar kepada negara dan setiap isi rumah.

Walaupun kini dunia secara keseluruhannya sedang melalui fasa pemulihan, namun kita masih berdepan dengan ketidakpastian yang tinggi (VUCA) sehingga menyukarkan kita untuk membuat perancangan dan pengurusan pelaksanaan yang berkesan.

VUCA iaitu *Volatility* (tidak menentu), *Uncertainty* (tidak pasti), *Complexity* (rumit) dan *Ambiguity* (kabur) yang mana kita sukar membuat ramalan atau jangkakan

seperti dulu. Dalam dunia VUCA, daya ketahanan adalah perkara utama yang perlu. Sehubungan itu, kita perlu pantas mengambil peluang dan menggunakannya sebaik mungkin.


Sehubungan dengan itu, sesi perkongsian ilmu secara bersiri mengenai VUCA telah diadakan pada 6 Ogos dan 26 Ogos 2021 bagi berkongsi tentang VUCA dan bagaimana mengatasi keadaan yang berlaku sama ada di peringkat organisasi mahupun individu. Objektif perkongsian ilmu secara bersiri ini adalah bagi:

1. Memberi pendedahan mengenai dunia vuca yang berlaku pada masa kini, implikasi dan tindakan yang diperlukan
2. Menjelaskan tentang kepentingan pengurusan dan kepimpinan


strategik untuk individu dan organisasi bagi membentuk pasukan yang dinamik

3. Mengenal pasti kaedah mengurus perubahan dengan menggunakan ruang dan peluang yang ada.

Perkongsian ilmu ini telah diadakan secara dalam talian dan dihadiri oleh 108 orang warga kerja Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dari Ibu pejabat dan semua zon IKMa bagi setiap siri. Perkongsian ilmu ini diharap mampu membina kembali momentum kerja warga kerja yang lebih baik dan lebih dinamik dalam bekerja serta warga kerja dan IKMa bersama-sama mencari dan mengambil peluang yang ada bagi memastikan organisasi sentiasa berdaya tahan dan terus kekal relevan dalam dunia VUCA.



Gambaran mengenai VUCA



Antara peserta yang hadir ke program perkongsian ini.

WEBINAR SPEAK OUT!

Fatin Hidayah Nazarudin
fatinhidayah@ikma.edu.my
Unit Pengurusan Sumber Manusia

BERHADAPAN dengan audiens dan menarik minat audiens bukan mudah untuk dilakukan oleh individu. Perasaan gemuruh, gementar, gugup dan tidak yakin sentiasa dihadapi oleh individu ketika membuat pengucapan awam di hadapan audiens boleh menjejaskan keberkesanan penyampaian maklumat kepada audiens. Masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh individu yang bercakap secara berhadapan dengan audiens, malah turut dialami oleh mereka yang menggunakan medium secara dalam talian untuk berhubung seperti mengadakan kuliah, ceramah dan seminar. Oleh itu, kebolehan berinteraksi dengan audiens dalam talian penting untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik.

Menyedari kepentingan tersebut, Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) telah menganjurkan Webinar "Speak Out!" khusus buat warga kerja Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Kursus tersebut telah dijalankan pada 20 Ogos 2021 secara dalam talian. UPSM telah menjemput Master Trainer Tuan Haji Badrul Sani bin Baharudin daripada Speak Out Training and Management Services untuk mengendalikan kursus berkenaan.

Kursus ini adalah julung kali diadakan dan melibatkan seramai 89

orang warga kerja IKMa. Penganjuran kursus ini juga adalah satu usaha untuk meningkatkan kemahiran penyampaian secara dalam talian, sama ada dalam kelas, atau dalam mesyuarat. Selain itu, kursus ini turut memberi pendedahan kepada peserta mengenai teknik mengajar dalam talian yang efektif.


Semasa kursus berlangsung, peserta didedahkan kepada beberapa topik yang menarik. Antaranya adalah '4 Persediaan Utama sebelum Beraksi di Hadapan Kamera'; '3 Teknik Praktikal Jana Keyakinan semasa Berbicara secara dalam Talian'; '3 Pendekatan Bijak Membina 'Engagement' dengan Penonton' dan '3 Kaedah Menjadikan Anda Tampak Lain daripada yang Lain (Setup Mini Studio)'. Sebagai tambahan, penceramah turut menyentuh mengenai kesusialan yang sering dilakukan oleh pengajar semasa sesi pembelajaran dalam



Poster Webinar

talian dan memperkenalkan games interaktif dalam talian yang boleh menarik perhatian audiens untuk turut kekal aktif dalam talian. Pada akhir kursus, penceramah telah memperkenalkan perisian dan laman web yang boleh membantu menjadikan penyampaian dalam talian menjadi lebih menarik dan efektif.

Secara keseluruhannya, program ini mendapat sambutan yang sangat baik daripada peserta yang hadir. Walaupun ia dijalankan secara dalam talian, penceramah bijak untuk mengendalikan program dengan memanfaatkan "features" yang ada di dalam ZOOM sehingga dapat menarik perhatian peserta untuk fokus sehingga ke akhir program. Malah, teknik serta tip yang dikongsi oleh penceramah menjadikan program kali ini lebih bermanfaat untuk diaplikasikan oleh peserta yang hadir.



3 DISEMBER 2021

Sesi Dialog YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi bersama penaja dan peniaga kecil sempena sambutan Hari Penaja dan Peniaga Kecil Kebangsaan 2021 di Menara Usahawan, Presint 2 Putrajaya.



28 NOVEMBER 2021

Sesi Sembang Santai dan kuiz koperasi oleh Institut Koperasi Malaysia dan Majlis Perasmian Penutupan Karnival Usahawan dan Koperasi Bertempat di Dewan Paya Besar Kuantan, Pahang.



25 NOVEMBER 2021

Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa), YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor menjadi tetamu bagi segmen Sejahtera Asia x Sarawak Decides di TV Sarawak (TVS) dengan Topik: Menelusuri 65 Tahun Pengalaman Melahirkan Koperator yang Berdaya Saing.

19 NOVEMBER 2021

Majlis Perhimpunan Bulanan Institut Koperasi Malaysia bersama Ketua Pengarah IKMa bagi bulan November 2021. Dalam majlis yang sama turut diadakan Majlis Menandatangani Akujanji Pengurusan Tertinggi yang merupakan simbolik kepada manifestasi kebertanggungjawaban penjawat awam dalam memastikan tugas dilaksana dengan setia, jujur, bertanggungjawab, dedikasi dan profesional.





15 NOVEMBER 2021

Sesi wawancara Selamat Pagi Malaysia TV1 bersama Ketua Pengarah IKMa, YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor membicarakan tentang topik “Menelusuri 65 Tahun Pengalaman IKMa Melahirkan Koperasi Malaysia yang Berdaya Saing”.

Kunjungan Hormat Delegasi dari Meritus University ke Institut Koperasi Malaysia.



6 NOVEMBER 2021

Ketua Pengarah IKMa, YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Menjadi moderator bagi Forum Kelastarian Kewangan: Cabaran dan Hala Tuju Sektor Kewangan Koperasi di Alaf Baharu sempena S-TRACK 2021 Simposium Transkom Keluarga CO-OPBank dan Koperasi Kredit bertempat di Hotel Tenera, Bangi, Selangor. Program ini berlangsung selama dua hari dan dirasmikan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

2 NOVEMBER 2021

Webinar Bina Jenama di Media Digital secara dalam talian anjuran Institut Koperasi Malaysia. Ucapan perasmian webinar telah disampaikan oleh YBrs. Puan Hamidah binti Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan IKMa.





PEMAKLUMAN

**PENUKARAN AKRONIM
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**

IKM

Kini Dikenali Sebagai

IKMa